



- o **Majlis Pecah Tanah Ladang UniSZA**
- o **Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri – Penerima Anugerah Penghargaan Tesis Terbaik YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin 2010**
- o **Persidangan Pengurusan Antarabangsa 2011**
- o **The Most Expensive Book in the World**

**Pengurusan Tertinggi  
Universiti Sultan Zainal Abidin**

YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud  
Naib Canselor

Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Abdul Manaf Ali  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar  
Pendaftar

Baharin Salim @ Abdullah  
Bendahari

**Sidang Pengarang Buletin UniSZA**

Azizah Endut  
Editor  
Pusat Penerbitan/  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Editor Bahasa Inggeris  
Pusat Penerbitan/  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**Ahli Sidang Pengarang**

Dr. Abdul Hakim Abdullah  
Pegawai Khas, Naib Canselor

Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat  
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Ismail Musa  
Bahagian Pengurusan Akademik

Nurhana Ghazali  
Unit Komunikasi Korporat

Kaswadi Yusoff  
Jurufoto  
Unit Komunikasi Korporat

Zurina Mansor  
Setiausaha  
Pusat Penerbitan

**Penyumbang Bahan**

- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Perpustakaan
- Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
- Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Fakulti Rekabentuk dan Teknologi Inovatif
- Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Fakulti informatik
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- Fakulti Teknologi Makanan
- Pusat Kesihatan
- Pusat Pengurusan Pascasiswazah
- Pusat Seni dan Warisan
- Pusat Teknologi Maklumat
- Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UniSZA
- Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup
- Unit Komunikasi Korporat

- Hak Cipta Terpelihara © 2010. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pusat Penerbitan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Buletin UniSZA diterbitkan dua kali setahun, mulai  
Julai 2010 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal  
Abidin.

Hak cipta © 2010

Editor, Pusat Penerbitan

Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Terengganu

Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-665 3608 Faks: 09-667 3896

Emel: zurina@unisza.edu.my, aniruzurina@yahoo.com

Laman web: <http://unisza@edu.my>

## Kandungan

	Halaman
Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri – Penerima Anugerah Penghargaan Tesis Terbaik YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin 2010	4
Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi Sesi 2010/2011	4
Perasmian Pembukaan Ladang UniSZA	5
Persidangan Pengurusan Antarabangsa 2011 (IMaC2011)	6
Syarahan Akademik	7
Seminar	9
Bengkel/Kursus	11
Program Suara Rasa Mahasiswa	15
Penilaian Akreditasi Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian	15
Majlis Dialog Staf FIT bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	16
Program bersama Profesor Pelawat	16
Taklimat MyMaster, MyPhD & PhD Industri	16
Program Lawatan Ilmiah Pelajar UNISSA ke UniSZA	17
Roadshow Malaysian Research and Education Network (MyREN)	17
Bersama Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri	18
Scientific Visit to Herbarium Bogoriense and Bogor Botanical Garden, Indonesia	21
Karnival Kesenian Islam: UniSZA Cemerlang	12
Lawatan	22
UniSZA Juara Kuiz Sejahtera Alam Sekitar	22
Dasar-Dasar Fiqh Perubatan	23
The Most Expensive Book in the World	25
Program Kebolehpasaran Graduan UniSZA	26
Mahasiswa IPT Pantai Timur Menjayakan Program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1Malaysia	26
Majlis Anugerah Dekan	27
Pengantarabangsaan Memperkasa UniSZA	28
Pertandingan	29
Mesyuarat	30
Perkemahan Bahasa Inggeris Diploma TESL Kali Ke-12	31
English Enhancement Programme (EEP) 2011	31
Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah dan Menengah (Pendidikan Islam)	31
60 Orang Kanak-Kanak Berkhatan Sempena Program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1 Malaysia	32
Hari Kerjaya dan Pameran Akademik FPSK 2011	32
Sukan	33
Maklumat Staf UniSZA – Kenaikan Pangkat dan Cuti Belajar	34
Buku/Jurnal Terbitan UniSZA	36



## Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Penerima Anugerah Penghargaan Tesis Terbaik YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd Yassin 2010

Ketua Jabatan Bahasa Arab Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA, Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh berjaya mengharumkan nama universiti apabila memenangi Anugerah Penghargaan Tesis Terbaik YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd Yassin 2010. Tesis bertajuk *Penggunaan Strategik Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama* sebelum ini pernah meraih Anugerah Tesis Cemerlang Fakulti Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 27 Julai 2009.

Majlis yang diadakan pada 21 Februari 2011 bertempat di Prince Hotel & Residence, Kuala Lumpur adalah anjuran Yayasan Nurul Yaqeen dengan kerjasama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Dr. Kamarul yang ditemui baru-baru ini, tesis yang dihasilkan dari kajian tentang salah satu domain metafizik berkaitan dengan budaya dan agama islam, kini telah digunakan sebagai rujukan oleh seorang pelajar peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seorang pelajar peringkat Doktor Falsafah dari Jepun.

"Idea untuk mengkaji domain ini adalah hasil cetusan daripada penyelia saya iaitu Profesor Mohd Amin dan mengambil masa selama tiga tahun untuk menyiapkannya," kata beliau. Sebuah artikel juga telah diterbitkan dalam *Jurnal Language of Studies 2009* hasil dari kajian yang sama.

...bersambung di halaman 18.



## Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi Sesi 2010/2011

UniSZA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2010/2011. Pemilihan MPP UniSZA bagi sesi ini melibatkan 24 kerusi yang merangkumi 18 kerusi fakulti dan enam kerusi umum.

Pembuangan undi diadakan pada 21 Februari 2011 bertempat di semua fakulti bermula jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Majlis pengiraan undi bermula pada jam 5.00 petang dan berakhir jam 8.00 malam di Dewan Besar al-Muktafi Billah Shah. Enam kerusi umum telah dimenangi oleh Muhammad Isa Mohamed Yusof, Nik Zawawi Ismail, Muhammad Marzuqi Zainal Adlan, Nur Raihanah Mohamad Rozaimi, Siti Hajar Borhan dan Mohd Saiful Islam Abdul Razak.

Bagi kerusi fakulti, hanya tiga daripada sembilan fakulti yang bertanding Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) dan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), manakala enam fakulti yang lain menang tanpa bertanding. Setiap fakulti diwakili oleh dua orang wakil. Calon yang memenangi kerusi FKI ialah Nur Hasniza Omar dan Muhammad Amirul Kamaruddin. Kerusi FPPP pula telah dimenangi oleh Rozana Che Pa dan Ahmad Roslan, manakala FUHA diwakili oleh Mohd Fikri Ariff dan Dayana Chacho.

Enam fakulti lain yang menang tanpa bertanding ialah Fakulti Informatik (FIT) diwakili oleh Syahila Amira Yaakob dan Muhammad Azfar Dhakyudheen, Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) diwakili oleh Muhammad Hakim Saffen dan Mohamad Sufian Mohamad Araf. Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) pula diwakili oleh Samihah Hannan Harun dan Siti Saodah Zakaria. Sementara itu Fakulti Teknologi Maklumat (FTM) diwakili oleh Norul Hanibillah Mohd Isa dan Muhammad Asyraf Fouzi manakala Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) diwakili oleh Nadzatul Shima Jaafar dan Md. Noor Jamsuri Sarugi. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) oleh Amalina 'Izzati Abdul Hamid dan Fatin Nabila Ahmad Amir.



## Perasmian Pembukaan Ladang UniSZA



Majlis perasmian pembukaan Ladang UniSZA di Pasir Akar, telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Besut, Yang Berhormat Hj Nawī Mohamad pada 25 April 2011. Majlis tersebut disaksikan oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud, Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Profesor Dr. Mat Zakaria dan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UniSZA, Abdul Hadi Ahmad.

Naib Canselor dalam ucapan aluannya berkata, sebagai permulaan, ladang pengajaran dan pembelajaran bagi Jabatan Sains Haiwan akan dibina terlebih dahulu. "Pada peringkat awal ini, pihak UniSZA akan membina kandang kambing, lembu pedaging dan lembu tenusu. Untuk perancangan jangka panjang yang lebih komprehensif dan berintegrasi di ladang ini, kita akan menubuhkan beberapa pusat kajian berasaskan pertanian integrasi seperti Pusat Biakbaka Ubi, Pusat Biakbaka Puyuh dan Pusat Pemuliharaan Herba. Dengan adanya Ladang UniSZA ini diharapkan supaya ia akan memberi pendedahan dan bimbingan berkaitan kaedah-kaedah pertanian moden kepada masyarakat sekitar," katanya.



Sementara itu, ADUN Hulu Besut, Hj. Nawī berkata, beliau amat mengalu-alukan kedatangan UniSZA dan beliau bersedia memberi kerjasama serta sokongan dalam usaha untuk memajukan ladang seluas hampir 200 ekar ini. Beliau berharap, dengan adanya pakar-pakar pertanian dan penternakan UniSZA di sini, masyarakat sekitar akan mendapat faedah yang besar dan boleh berkongsi kemahiran untuk bertani secara lebih baik. Majlis itu juga dihadiri oleh pihak pengurusan, kakitangan UniSZA dan penduduk sekitar ladang tersebut.



## Persidangan Pengurusan Antarabangsa 2011 (IMaC2011)



Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Kampus Gong Badak dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dengan jayanya telah menganjurkan Persidangan Pengurusan Antarabangsa 2011 (IMaC2011) yang dihadiri oleh hampir 300 peserta dari dalam dan luar negara. Program ini berlangsung pada di Taman Tamadun Islam, Terengganu pada 16 dan 17 April. Tema persidangan ialah *Innovation and Creativity in Management: Issues, Opportunity and Challenges*.

Menurut Pengerusi IMaC2011, Prof. Madya Dr. Ahmad Shukri Yazid, persidangan antarabangsa yang pertama kali diadakan ini akan menjadi acara dwi tahunan FPPP sebagai platform bagi perbincangan, perkongsian dan pertukaran idea dalam isu-isu yang berkaitan dengan inovasi dan kreativiti dalam pengurusan. "Persidangan ini adalah yang terbaik mampu dilakukan kerana ia berjaya menghimpunkan sejumlah besar sarjana dan pakar yang mahir dalam pelbagai disiplin sekaligus menjadi medan perbincangan idea-idea kreatif dan mencari penyelesaian dengan menentengahkan mekanisme yang paling praktikal dan realistik bagi memperkasa inovasi dan kreativiti.



Sebanyak 208 kertas kerja telah dibentangkan oleh peserta tempatan dan antarabangsa. Antara tema yang memenuhi sesi pembentangan yang dijalankan secara selari adalah *Business Management, Human Resource and Marketing, Accounting, Economics, Finance and Banking, Risk Management* dan *Corporate Governance*.

Persidangan ini dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniZA, Dato' Zolkipli Abdul, manakala Naib Canselor UniZA, Profesor Dato' Dr. Alias Daud, telah menyampaikan ucapan pembukaan. Turut hadir Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta lain-lain tetamu kehormat. Dua slot ucapatama membuka tirai pembentangan dengan ucapatama pertama oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Timbalan Presiden Malaysian Islamic Chamber of Commerce mengenai *Innovation and Creativity*. Ucapatama kedua pula disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Wan Ismail Wan Yusoh, Pengurus Besar Bank Islam (M) Berhad bertajuk *Innovation and Creativity in Management – The BIMB Experience*.



# Konsep Ilmu dan Pembentukan Para Ilmuwan Ulul Albab dalam Konteks Masyarakat Islam Masa Kini

## – Profesor Ulung Negara

Jabatan Dakwah, Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UniSZA telah menganjurkan Syarahan Akademik FKI 2011 bertajuk *Konsep Ilmu dan Pembentukan Para Ilmuwan Ulul Albab dalam Konteks Masyarakat Islam Masa Kini*. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga UniSZA khasnya dan masyarakat luar amnya berhubung isu pembentukan ilmuwan ulul albab dan kepentingannya dalam menghadapi dunia globalisasi kini. Ini merupakan langkah awal memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kehebatan Islam dalam mendepani dan menyelesaikan kerencaman masalah yang dihadapi oleh ummah Islam dalam kehidupan seharian.

Syarahan ini disampaikan oleh Tan Sri Profesor Dr. Muhammad Kamal Hassan iaitu Profesor Ulung Negara yang pakar dalam bidang Pemikiran Islam Kontemporari di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pada 27 Januari 2011 bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak. Di samping warga UniSZA, penyertaan juga dibuka kepada masyarakat luar bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat secara langsung dari pakar yang dijemput. Seramai 1500 orang peserta dianggarkan hadir pada hari tersebut. Peserta-peserta terdiri daripada wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Yayasan Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UiTM cawangan Terengganu, Institut



Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Institut Perguruan Sultan Mizan, Institut al-Quran Terengganu Kampus Padang Midin, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Politeknik Kota, badan-badan bukan kerajaan dan sekolah-sekolah sekitar Kuala Terengganu. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Naib Canselor, Dato' Profesor Dr. Alias Daud yang menyampaikan kata-kata aluan di awal program. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Abdul Manaf Ali, Dekan-dekan, Timbalan Dekan dan Ketua-ketua jabatan.



Intipati syarahan ini adalah tentang transformasi besar dalam pemikiran dan sistem pendidikan. Umat Islam pada hari ini dilihat menjadi tawanan kepada paradigma-paradigma modeniti sekular yang membawa kepada keruntuhan sistemik dalam bidang ekonomi, etika politik antarabangsa dan penjagaan alam sekitar. Oleh itu, umat Islam perlu kepada ilmu pengetahuan yang berkonsepkan kesepaduan dua sumber ilmu iaitu ilmu agama dan ilmu duniawi yang mampu melahirkan generasi ulul albab. Pembentang juga menghuraikan ciri-ciri ulul albab yang tercatat dalam al-Quran dan panduan untuk melahirkan ilmuwan dan cendekiawan ulul albab dalam institusi pendidikan hari ini. Syarahan berakhir pada jam 12.15 tengah hari, diikuti dengan sesi soal jawab sebagai penutup.



## Integrity: Career and Challenges in the Legal Profession

Syarahen Akademik Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah dilaksanakan pada 6 Januari 2011 di Dewan al-Muktaffi Billah Shah, Kampus Gong Badak, UniSZA. Tujuan utama syarahan ini diadakan adalah untuk memberi maklumat perkembangan permasalahan perundangan berkaitan integriti di sektor perundangan. Selain itu, ia juga dapat memberi kesedaran kepentingan integriti dalam kerjaya dan juga memberi peluang peserta mengetahui dan membincangkan peluang kerjaya bagi pemegang Ijazah Perundangan dan seterusnya cabaran-cabaran yang akan

dihadapi. Siri syarahan ini melibatkan semua pelajar dan staf FUHA. Syarahan akademik ini telah disampaikan oleh Profesor Adjung FUHA, Tan Sri Dato' Bentara Istana Dato' Nik Hashim Nik Ab. Rahman yang bertajuk *Integrity: Career and Challenges in the Legal Profession*.



## Harmonizing Juristic Disagreement Towards the Unity of Ummah & The Philosophy of Education and Educating in View of Fiqh and Tasawwuf

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menganjurkan Syarahan Akademik FKI Bil. 2/2011 pada 31 Mac bertempat di dewan al-Muktafi Billah Shah. Program syarahan akademik ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh setiap jabatan yang bernaung di bawah FKI. Ia disampaikan oleh Syeikh Dr. Youssef Muhyiddin Req Al-Bakhour Al-Hasani dari Lubnan dan diadakan dalam dua slot iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab iaitu bertajuk *Harmonizing Juristic Disagreement Towards the Unity of Ummah* dan 'مفاهيم تربوية من خلال الفقه والتصوف' (*The Philosophy of Education and Educating in view of Fiqh and Tasawwuf*). Penceramah merupakan ahli Majlis Fatwa Lubnan, Ahli Majlis Ulama Syria, Pengarah Yayasan Islam Kanada, serta Penasihat Kehormat Komuniti Islam di Amerika Utara.

Sesi syarahan ini memberi pendedahan kepada peserta tentang keanjalan Islam dalam mendepani kekeliruan yang timbul daripada percanggahan pendapat dalam kalangan ulama dan mazhab. Selain itu ia juga diharap dapat melahirkan kesedaran serta pemahaman dalam diri ahli akademik tentang konsep dan falsafah tarbiyyah dari pendekatan fiqh dan juga tasawwuf. Bagi memenuhi objektif pengajaran, penyertaan program ini dibuka kepada badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, sekolah-sekolah serta masyarakat awam. Program syarahan ini berjaya menarik minat lebih kurang 450 khalayak dalam dan luar kampus. Syarahan ini menyediakan wahana yang ampuh untuk membincangkan isu-isu kontemporari dalam suasana saling menghormati perbezaan pendapat dan merealisasikan motto UniSZA iaitu 'Ilmu Demi Faedah Insan'.



## Seminar Kesihatan Awam 2011

Pusat Kajian Klinikal & Kualiti Hidup (PKKKH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah menganjurkan satu seminar bertajuk Seminar Kesihatan Awam 2011 pada 24 Mac 2011 di Dewan Teater, UniSZA, Kampus Kota. Majlis perasmian disempurnakan oleh Dato' Profesor Dr. Alias Daud, Naib Canselor UniSZA.

Seminar ini merupakan kesinambungan daripada *International Conference on Health (ICIH) 2008* yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang konsep asas dan peranan pengamal kesihatan dalam bidang kesihatan awam di samping meningkatkan kepakaran dan perkongsian kemahiran dalam pengajaran dan penyelidikan bidang berkenaan. Selain itu, seminar ini juga membicarakan isu-isu semasa dan cabaran akan datang yang melibatkan kurikulum pengajian dan kajian kesihatan awam.

Sesi dimulakan dengan ceramah bertajuk *Health System in the 21<sup>st</sup> Century* yang disampaikan oleh Dato' Profesor Dr. Syed Mohamed Aljunid, Profesor Ekonomi Kesihatan dan Pakar Perunding Kesihatan Awam, United Nations University-International Institute of Global Health (UNU-IIGH). Sesi diteruskan dengan ceramah bertajuk *Ethical Issues in Public Health Research* yang disampaikan oleh Profesor Dr. Abdul Rahman Esa selaku Profesor Kesihatan Awam FPSK, UniSZA.



Profesor Pendidikan Perubatan UniSZA, Profesor Dr. Arunodaya Barman pula telah menyampaikan ceramah bertajuk *Public Health in Undergraduate Medical Education*.

Penceramah jemputan, Profesor Ann Bryan, Ketua Jabatan Kesihatan Awam & Kanak-kanak, University of Chester, United Kingdom telah menyampaikan ceramah bertajuk *Making a Difference in Health and Social Care*.



Hampir 100 orang peserta dari Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan, Pusat Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu, Pusat Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Pahang, staf dan pelajar perubatan UniSZA telah mengikuti seminar ini. Majlis penutup disempurnakan oleh Profesor Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif, Dekan FPSK, UniSZA.

## Seminar Sains Makanan dan Teknologi Kali Ke-7

Pada 19 hingga 20 Februari lalu, seramai 32 orang pelajar prasiswazah tahun akhir dari Fakulti Teknologi Makanan (FTM), UniSZA telah menyertai Seminar Sains Makanan dan Teknologi yang diadakan di Monash University, Kampus Sunway. Seminar ini diadakan setiap dua tahun sekali bertujuan untuk mewujudkan interaksi antara pelajar-pelajar siswazah dan prasiswazah dari pengajian Sains Makanan dan Teknologi. Pelajar-pelajar siswazah terlibat dengan aktiviti pembentangan lisan dan poster daripada hasil kajian mereka manakala pelajar prasiswazah pula terlibat dalam pertandingan *Food Product Development*, *Food Bowl Quiz* dan *Oratory*. Pemilihan pelajar UniSZA ke pertandingan ini adalah hasil daripada pertandingan *Penghasilan Produk Makanan* peringkat fakulti yang telah diadakan pada 21 Oktober 2010. Sebanyak sembilan IPT telah menyertai pertandingan ini iaitu UPM, UKM, UMS, UMT, USIM, UiTM dan Monash University. Para peserta UniSZA berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan Penghasilan Produk Makanan – *TropicaSweet – Pitted Salak*.



Seminar Integriti UniSZA 2011 telah diadakan pada 5 Januari 2011 bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak, UniSZA. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memastikan gerakan pemantapan integriti berjalan lancar dan mencapai matlamatnya. Jumlah peserta yang terlibat adalah seramai 158 orang yang terdiri daripada pengurusan setiap PTJ dan juga ahli-ahli akademik.

Selain itu, tiga buah agensi kerajaan turut terlibat mengadakan Pameran Integriti yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia Terengganu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Terengganu dan Pusat Bantuan Guaman Terengganu.



Seminar ini dibahagikan kepada tiga slot ceramah yang disampaikan oleh tiga orang penceramah jemputan. Penceramah pertama, Anuar Ahmad iaitu Pengurus Bahagian Sektor Sosiobudaya Institut Integriti Malaysia menyampaikan ceramah bertajuk *Integriti: Satu Agenda Negara*, diikuti dengan ceramah kedua dengan Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA. Beliau menyampaikan ceramah bertajuk *Integriti Tonggak Kejayaan Institusi: Harapan dan Cabaran di UniSZA*. Seminar ini diakhiri dengan ceramah bertajuk *Integriti di Malaysia: Pandangan dari Sudut Kehakiman* yang disampaikan oleh Tan Sri Nik Hashim Nik Ab. Rahman, iaitu Profesor Adjung Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa.

## Bengkel *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* FIT dan FRIT



Bagi memberikan pendedahan tentang penggunaan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dalam menjalankan kajian, satu bengkel berkaitan dengan program tersebut telah diadakan pada 28 hingga 29 Januari 2011 bertempat di Makmal Komputer 1, Fakulti Informatik (FIT), Blok Anas. Para peserta terdiri daripada kakitangan akademik dan pelajar pasca siswazah FIT.

Bengkel dua hari ini dihadiri oleh staf dan pelajar pascasiswazah FIT dan dikendalikan oleh Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) sebagai fasilitator. Selain bertujuan untuk memberi pendedahan tentang perisian SPSS, para peserta juga dibimbing untuk menganalisis data berdasarkan statistik



deskriptif dan inferensi, memahami jenis-jenis data dan pemboleh ubah kajian.

Selain FIT, Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) juga telah mengadakan bengkel yang sama pada 20 hingga 21 April 2011 bertempat di Makmal CAD III, Blok B FRIT. Bengkel selama dua hari tersebut telah dihadiri oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik fakulti. Perasmian bengkel tersebut disempurnakan oleh dekan fakulti iaitu Profesor Suleiman Mohd Salleh. Sesi bengkel dikendalikan oleh pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) iaitu Dr. Raja Danial Raja Ismail.

## Bengkel Penyeliaan (Sains dan Teknologi)

Pusat Pengurusan Siswazah telah menganjurkan Bengkel Penyeliaan (Sains dan Teknologi) pada 27 Februari 2011 bertempat di Dewan Teater, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Kota. Bengkel ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad.

Program ini merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran penyeliaan dalam kalangan penyelia dan membuka ruang untuk saling bertukar buah fikiran berkaitan bidang penyeliaan pelajar siswazah.

Bagi menyempurnakan program tersebut, Profesor Dr. Hasanah Ghazali dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Abdul Rashid Abdul Rahman dari Cyberjaya University College of Sciences dan Profesor Dr. Md. Yazid Mohd Saman dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah pada hari berkenaan.

Bengkel ini dihadiri oleh pensyarah yang terlibat dengan penyeliaan pelajar siswazah dan pensyarah yang berpotensi untuk menyelia pelajar siswazah pada masa akan datang dari Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dan Fakulti Informatik (FIT).





## Bengkel Cemerlang di Universiti

Bengkel Cemerlang di Universiti telah berlangsung pada 3 hingga 5 Mac 2011 bertempat di Pusat Kokurikulum Merang, Kuala Terengganu. Program ini disertai oleh 38 orang pelajar program Diploma Teknologi Pembuatan dan Reka Bentuk Industri serta dibantu oleh beberapa orang fasilitator yang terdiri daripada lima orang kakitangan fakulti dan dua orang penceramah jemputan. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Dekan Fakulti Rekabentuk Teknologi dan Inovatif (FRIT), Pn. Al-Arikah Raja E Ali.

Tujuan program ini adalah untuk memberi bimbingan kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan, berkeyakinan tinggi sewaktu proses pembelajaran, mengasah kemahiran untuk menonjolkan kehebatan diri di tempat belajar dan juga meningkatkan produktiviti dan prestasi pelajar dan fakulti.

## Bengkel Penyediaan Dokumen MQA, Program Siswazah (Penyelidikan)

Pusat Pengurusan Pascasiswazah (PPP) telah mengadakan Bengkel Penyediaan Dokumen MQA, Program Siswazah (Penyelidikan) pada 8 dan 9 Disember 2010. Bengkel yang diadakan di Aras 1, Blok Uthman, UniSZA Kampus Gong Badak ini disertai oleh 48 orang peserta mewakili FKI, FPPP, FPB, FPSK, FBK, FIT, FUHA, FRIT serta FTM. Penganjuran bengkel bertujuan untuk menyediakan draf dokumen MQA program siswazah (penyelidikan) telah memenuhi objektif penganjurannya. Penyediaan draf dokumen tersebut adalah untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Untuk itu, Ketua Unit Jaminan Kualiti, Puan Ariza Ibrahim dan Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin (FPSK) telah dijemput sebagai pemudahcara bagi memberi panduan tentang penyediaan dokumen tersebut. Bengkel selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merangkap Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali.

## Bengkel Pemurnian Projek Ilmiah Program Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian)

Pada 24 Mac 2011, Fakulti Informatik telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Projek Ilmiah Program Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) bertempat di Merang Suria, Setiu. Bengkel ini dihadiri oleh seramai 16 orang pensyarah FIT dan objektifnya adalah untuk menyemak dan memurnikan kaedah pembentangan dan penilaian dalam kursus TXF4994. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan untuk menyediakan garis panduan dalam menentukan tajuk dan kaedah penyediaan supaya lebih teratur dan berkesan.



## Bengkel ISO 17025: 2005

Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UniSZA di bawah Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti (PPKK) telah menganjurkan Bengkel ISO 17025: 2005 bertempat di Permai Inn Hotel pada 28 hingga 29 Disember 2010. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang keperluan standard ISO 17025: 2005.

Bengkel selama dua hari ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Abdul Manaf Ali yang juga merupakan Penyelaras Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UniSZA.

Slot bengkel diisi dengan sesi ceramah, perbincangan dan latihan dalam kumpulan serta perbincangan dua hala antara konsultan dan peserta. Ceramah disampaikan oleh konsultan jemputan iaitu Michelle Bernadette Nunis dari QTox Consulting.

Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Dietetik dari Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) menghadiri bengkel ini.



Menerusi bengkel ini, para peserta lebih memahami keperluan standard ISO 17025: 2005 yang akan diterapkan di dalam makmal terutamanya di bawah Pusat Kecemerlangan ECER-KPT-UniSZA iaitu Makmal Halal dan Makmal Herba di bawah kelolaan Pusat Halal Wilayah dan Pusat Penyelidikan Herba dan Bioteknologi.

Akreditasi makmal adalah penting bagi UniSZA untuk mendapat pengiktirafan kepada keputusan analisa sampel yang dihantar ke makmal-makmal adalah mengikut piawaian yang ditentukan.

## Bengkel Asas Fotografi Digital

Pusat Reka Bentuk dan Multimedia, FRIT, telah menganjurkan bengkel Asas Fotografi Digital pada 30-31 Mac 2011 di Bangunan Akademik, UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan UniSZA menyertai bengkel ini. Ceramah disampaikan oleh Rushdi Shamsuddin, seorang jurufoto profesional.

Pada hari pertama, para peserta didedahkan dengan teknik dan pengetahuan asas fotografi serta pengendalian kamera jenis DSLR. Selain itu, peserta juga diajar cara-cara mengambil gambar dengan lebih kreatif di samping menjalani latihan amali di lapangan.

Pada hari kedua pula, semua peserta diberikan beberapa tugas. Bengkel berakhir dengan sesi penilaian terhadap hasil tugas peserta oleh penceramah. Turut sama membantu dalam slot penilaian ini adalah jurugambar UniSZA, Kaswadi Yusoff dan wakil penganjur iaitu Ahmad Zafir Zamani.



## Bengkel Pengkatalogan dan Pengelasan Bahan Perpustakaan 2011

Pengkatalogan dan pengelasan merupakan salah satu cabang ilmu yang memerlukan penguasaan dan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaannya. Memandangkan koleksi di perpustakaan sentiasa berkembang dari masa ke masa, ianya perlu diurus secara sistematik dan kemahiran ini perlu sentiasa dimantapkan agar ianya dapat membantu pelanggan mengesan bahan dengan mudah dan berkesan. Selari dengan keperluan tersebut, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan dan Pengelasan Bahan Perpustakaan bertempat di Bilik Persidangan UniSZA.

Bengkel yang bermula pada 29 hingga 31 Mac 2011 ini telah dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar. Penceramah bengkel pada kali ini ialah Puan Hamidah Abd. Rahman pensyarah dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM. Beliau mempunyai kepakaran serta pengalaman yang luas dalam bidang pengkatalogan dan pengelasan bahan perpustakaan. Bengkel yang dijalankan selama tiga hari ini dihadiri oleh Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan yang terlibat dalam tugas pengkatalogan dan pengelasan.

Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman tentang penggunaan MARC21, mengetahui dan mematuhi peraturan/standard yang diperlukan semasa membuat diskripsi bibliografik bahan yang sedang dikatalog, menguasai konsep-konsep asas serta berkebolehan mengelas bahan berdasarkan sistem pengelasan Library of Congress dan menambah serta memantapkan lagi kecekapan semasa membuat proses pengkatalogan.



## Bengkel Penyelidikan FRGS FUHA

Bengkel Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah diadakan pada 17 Mac 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat FUHA. Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi penerangan mengenai penulisan cadangan penyelidikan FRGS berfokuskan kajian perundangan. Selain itu,

bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kriteria yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mendapatkan dana FRGS. Bengkel ini diadakan kepada semua staf akademik FUHA. Fasilitator jemputan ialah Profesor Dr. Rohimi Shapiee dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang juga merupakan Pemeriksa Luar FUHA.



## Bengkel Fasilitator Program Kebolehpasaran Graduan: Komunikasi (Bahasa Arab)

Bengkel Fasilitator untuk Program Kebolehpasaran Graduan: Komunikasi (Bahasa Arab) telah diadakan pada 10 hingga 12 Februari 2011 bertempat di Merang Suria Resort, Terengganu. Bengkel ini dihadiri oleh semua kakitangan akademik Jabatan Bahasa Arab dan 19 fasilitator. Bengkel ini telah berjaya mencungkil dan memupuk keberanian serta kewibawaan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

## Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Islam Staf Akademik FIT

Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Islam bagi kakitangan akademik FIT telah diadakan pada 17 Mac 2011 di Bilik Mesyuarat 1, Fakulti Informatik. Bengkel ini dikendalikan oleh Razali Saaran, iaitu penulis buku *Hebatnya Rasulullah Mendidik*. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk pengukuhan nilai dan perkongsian kaedah P & P berdasarkan tuntutan Islam dalam melahirkan tenaga pendidikan yang mampu membentuk graduan berbudaya tinggi dan akhlak yang luhur seperti yang digariskan dalam visi universiti.



## Kursus 'Basic Life Support'



Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), UniSZA dan Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) telah menganjurkan kursus *Basic Life Support Cardiopulmonary Resuscitation* yang dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, Pendaftar UniSZA pada 6 hingga 7 April dan 13 hingga 14 April 2011 di Bangunan Akademik UniSZA Kampus Gong Badak.

Kursus ini membimbing para peserta untuk bertindak dengan cara yang betul sekiranya berlaku kes-kes kecemasan sementara menanti ketibaan paramedik. Seramai 60 orang kakitangan

menyertai kursus ini yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniSZA serta kakitangan dari setiap jabatan dan fakulti.

Kursus ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta berdasarkan borang kaji selidik yang diedarkan. Tenaga pengajar daripada HSNZ terdiri dari pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat telah bekerjasama dengan begitu komited dalam menjayakan kursus ini.

## Program *Suara Rasa* Mahasiswa

Program *Suara Rasa* Mahasiswa bersama Pengurusan Fakulti Informatik (FIT) telah diadakan pada 7 April 2011 bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA. Ia merupakan aspirasi



pengurusan fakulti dalam mengembeleng usaha bersama ke arah pemantapan sahsiah pelajar dan pembangunan fakulti secara syumul. Pendekatan mesra digunakan dalam melahirkan hasrat murni dan harapan pengurusan fakulti terhadap bakal graduan. Di samping itu, pandangan dan saranan mahasiswa turut dialu-alukan untuk dikongsi dan dibincang bersama. Program ini berakhir dengan sesi mentor mentee yang mengumpul idea dan buah fikiran dalam usaha membentuk graduan yang berilmu, berkemahiran, berketrampilan, bertanggungjawab dan berakhlak luhur selaras dengan moto UniSZA iaitu Ilmu Demi Faedah Insan.



## Penilaian Akreditasi Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian



FUHA telah menerima lawatan penilaian akreditasi program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian (LLB) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 6 hingga 7 April 2011. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan akreditasi program LLB bagi membolehkan program ini dinilai oleh badan profesional undang-undang iaitu Lembaga Kelayakan Profesion

Undang-Undang (LPKUU) supaya graduan program ini mendapat pengiktirafan dalam bidang profesional perundangan. Panel-panel terlibat diketuai oleh Prof. Madya Datin Noor Aziah Mohd Awal (UKM), Prof. Madya Dr. Ruzman Md Noor (UM), Nik Haizam Nik Jaafar (UIAM) dan diiringi oleh seorang pegawai MQA iaitu Nor Hafizah Mohd Arip.

## Majlis Dialog Staf FIT Bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA



Majlis ini diadakan pada 13 April 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti 1, Blok Anas. Dua pembentangan telah dilakukan sebelum sesi dialog bermula. Pembentang pertama, Azwa Abdul Aziz membentangkan cadangan penyelidikan bertajuk *Modelling a Business Intelligent Data Warehousing for Tertiary Education in Personalizing Student Performance Academic Behaviour* manakala pembentang kedua iaitu Ahmad Nazari

Mohd Rose membentangkan cadangan penyelidikan bertajuk *Suitability Study of the Proposed Decision Making Model with Regards to Menstrual Cycle in Women of Terengganu*. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) turut menyampaikan ceramah mengenai kerjaya pensyarah cemerlang. Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab.

### Program bersama Profesor Pelawat



pentadbir akademik fakulti mengenai rancangan program baru dan aktiviti akademik yang akan dilakukan.

Program bersama Profesor Pelawat iaitu Profesor Dr. Mohamed Amin Embi telah diadakan pada 19 Mac 2011 bertempat di Hotel Tanjung Vista, Kuala Terengganu. Majlis ini dihadiri oleh semua kakitangan akademik Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK). Antara tajuk yang dibincangkan dalam bengkel sehari itu ialah Penyeliaan Berkesan dan Pengintegrasian ICT dalam P&P Bahasa. Pada malamnya diadakan Bengkel Halatuju dan Niche Fakulti. Pada keesokannya Profesor Dr. Mohamed Amin telah mengadakan perbincangan dengan para



### Taklimat MyMaster, MyPhD & PhD Industri



Pusat Pengurusan Pascasiswazah (PPP) telah mengadakan satu taklimat MyMaster, MyPhD & PhD Industri bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak pada 24 Februari 2011. Sesi taklimat ini telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Taklimat tersebut dihadiri oleh 217 orang peserta yang terdiri daripada pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP), Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) dan enam orang pelajar siswazah. Taklimat disampaikan oleh Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi, Mohd Arman Mohamed.



Taklimat ini diharapkan dapat membantu untuk mencapai matlamat MyBrain15 iaitu mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan dan inovasi. Ia juga adalah selaras dengan sasaran kerajaan untuk mencapai sebanyak 60,000 pemegang PhD di kalangan rakyat Malaysia.



## Program Lawatan Ilmiah Pelajar UNISSA Ke UniSZA

Pada 22 hingga 27 Januari, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) menerima lawatan daripada pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pengalaman dan mengembangkan kemampuan akademik pelajar UNISSA serta memberi pendedahan secara langsung tentang isu-isu semasa domestik dan global terutama isu kewangan Islam yang merupakan salah satu agenda penting dalam sektor kewangan di serata dunia. Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk menjalin hubungan antara kedua-dua buah universiti.

Program-program yang dilaksanakan sepanjang tempoh lawatan ini adalah syarahan akademik, *table discussion*, lawatan ke sekitar UniSZA dan Kuala Terengganu. Syarahan akademik telah disampaikan oleh Profesor Adjung FPPP, Profesor Dato' Dr. Sudin Haron bertajuk *Islamic Finance in Malaysia: A Way Forward*. Dr. Zunaidah Sulong, Timbalan Dekan, penyelidikan & Pascasiswazah

FPPP turut menyampaikan syarahan akademik bertajuk *Capital Market & Syariah Screening in Malaysia* disusuli dengan syarahan bertajuk *Court Jurisdiction on Islamic Banking in Malaysia* oleh Wan Mohd. Azziadi Wan Abd. Jalil (Felo Akademik) FPPP.

Sesi *Table Discussion* pula membuka ruang kepada para peserta lawatan untuk saling bertukar idea dan pendapat dengan para pelajar jurusan Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam), para Exco Kelab F3P dan Exco Kelab Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Islam) dengan Keupujian UniSZA. Selain itu, para peserta juga dibawa melawat ke Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Akademik dan Kem Ko-Kurikulum. Para peserta juga dibawa melawat ke sekitar Kuala Terengganu seperti Taman Tamadun Islam, Muzium Negeri Terengganu, Pulau Duyong, Noor Arfa Craft Complex (NACC), Pasar Payang dan lain-lain.



## Roadshow Malaysian Research and Education Network (MyREN)

MDEC dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK), UniSZA telah mengadakan Roadshow Malaysian Research and Education Network (MyREN) pada 14 Disember 2010 di Bilik Persidangan, UniSZA Kampus Gong Badak. Roadshow MyREN ini telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Abdul Manaf Ali, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Roadshow ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang penggunaan dan kebaikan kemudahan rangkaian MyREN kepada para pensyarah khususnya dan kakitangan umumnya untuk setiap universiti. Rangkaian MyREN merupakan satu inisiatif kemudahan rangkaian internet yang disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan kerjasama penyelidikan antara komuniti penyelidik di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa bersama komuniti penyelidik di Asia Pasifik, Asia Selatan, Eropah dan juga Amerika Syarikat. Rangkaian MyREN ini juga dapat memberikan sokongan yang kuat kepada inisiatif penyelidikan di universiti-universiti awam dan swasta.

MyREN mula beroperasi selepas dilancarkan oleh Menteri Tenaga, Air & Komunikasi, Menteri Sains Teknologi & Inovasi dan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada 28 Mac 2005. Pada masa ini, MyREN dipelopori oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan Malaysia (KPKK). Rangkaian MyREN kini meliputi 17 institusi kajian akademik di seluruh Malaysia. MyREN juga mempunyai rangkaian dengan beberapa National Research & Education Network (REN) yang lain di luar negara termasuk Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Syarikat.

Lima orang penceramah terdiri daripada Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis (UPM), Prof. Madya Dr. Suhaidi Hassan (UUM), Dr. Abdul Rahim Ahmad (UniTEN), Wan Mardani Wan Mohamad (MDEC) dan Fadhly Hassim (Juniper Networks Malaysia) telah memberikan penerangan dan ucapan pada majlis tersebut. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah PTM, Prof. Madya Dr. Mohd Nordin Abd Rahman.

# Bersama Penerima Anugerah Penghargaan Tesis Terbaik YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Mohd Yassin 2010 Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh



**Tahniah diucapkan pada Dr. kerana memenangi anugerah penghargaan tesis terbaik YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Mohd Yassin 2010. Apa perasaan Dr. apabila menerima anugerah tersebut?**

Terima kasih. Sebenarnya, saya berasa sangat kerdil untuk ditemu bual. Saya kira ramai lagi tokoh di UniSZA yang lebih berwibawa dan lebih wajar untuk ditemu bual. Kalau sekadar berkongsi pengalaman dan pandangan mungkin boleh. Mengenai anugerah ini, saya tak banyak berfikir tentangnya kerana saya tahu sistem penilaiannya agak ketat dan berperingkat. Ada tesis yang gagal di peringkat penilaian pertama, dan yang berjaya ke peringkat seterusnya pula ada 38 tesis termasuk tesis yang dihasilkan di Australia dan United Kingdom. Selepas itu, dua penilai luar yang pastinya bukan penilai tesis kita untuk viva akan menilainya berdasarkan 18 kriteria. Kemudian, Panel Penilai akan meneliti dan membuat keputusan. Jadi penilaiannya ketat. Cuma, saya ada meletak sedikit harapan kerana tesis saya pernah mendapat Anugerah Tesis PhD Cemerlang di UKM. Perasaan waktu menerima anugerah, TPM bertanya kepada saya semasa bersalam dengannya “Dari mana?” Saya jawab “Universiti Sultan Zainal Abidin”. Balas beliau sambil tersenyum “Oh! Terengganu”. Ketika itu saya berasa bangga untuk UniSZA kerana penerimaan anugerah dari TPM itu dengan membawa nama UniSZA dan ia memberi isyarat kepada umum bahawa warga akademik UniSZA juga mampu menghasilkan penyelidikan bermutu seperti di universiti-universiti yang telah lama *established* di Malaysia.

**Boleh Dr. ceritakan sedikit latar belakang pendidikan Dr.?**

Secara ringkasnya, saya bersekolah di Sekolah Menengah Sains Pahang yang juga dikenali sebagai Sekolah Menengah Sains Sultan Hj. Ahmad Shah. Selepas SPM, saya ditawarkan biasiswa JPA bagi mengikuti kursus intensif bahasa Inggeris selama enam bulan di ITM dan kemudiannya ke Tasmania, Australia untuk mengikuti pengajian Mechanical Engineering yang tiada penghujung. Saya membuat ‘turn’ apabila menerima tawaran biasiswa Kerajaan Arab Saudi untuk belajar Bahasa Arab di Maahad al-Lughah Umm al-Qura’ selama tiga tahun. Selepas lulus Sijil Maahad dengan gred Mumtaz atau Cemerlang, saya menyambung pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Umm al-Qura’ dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab (minor Pendidikan Islam) selama empat tahun. Alhamdulillah, saya telah lulus dengan taqdir Mumtaz dan mendapat anugerah al-Syarf al-Awwal dari Universiti Umm al-Qura’. Ia merupakan anugerah yang diberikan kepada graduan terbaik keseluruhan bagi sesebuah fakulti. Selain pengajian di universiti, saya juga berulang-alik selama tujuh tahun menuntut ilmu agama daripada beberapa orang para ulama Mekah seperti Syeikh Muhammad Alawi al-Maliki, Syeikh Mohd Abdul Qadir al-Mandili, dan Syeikh Ismail al-Yamani. Kemudiannya, saya menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dengan biasiswa tajaan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin. Kalau dilihat urutannya, saya yakin bahawa pencapaian saya dan urusan yang mudah untuk belajar adalah berkat doa dan restu kedua ibu bapa saya yang banyak bersusah payah untuk mendidik saya.

**Bolehkah Dr. memberikan tips-tips pembelajaran yang berkesan untuk dijadikan panduan oleh mahasiswa/i UniSZA?**

Ini satu tajuk yang besar. Saya akan sentuh perkara asas sahaja. Mengurus pembelajaran adalah seumpama mengurus pasukan bola sepak. Kita kena tahu kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran. Ramai sarjana pendidikan berpandangan bahawa kebanyakan pelajar di institut pengajian tinggi gagal belajar dengan berkesan dan memperoleh keputusan yang mengecewakan kerana mereka gagal mengurus elemen-elemen pembelajaran dengan baik. Pelajar perlu sedar tentang beberapa perkara. Pertama, budaya belajar di IPT tidak sama dengan belajar di sekolah. Budaya *spoon-feeding* di sekolah sudah habis. Di universiti, mereka perlu rajin, bijak, sendiri, kreatif

dan inovatif dalam pembelajaran mereka. Kedua, gaya, strategi dan motivasi pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza. Contohnya, ada pelajar yang gaya pembelajarannya adalah auditori dan sesetengahnya adalah kinestetik. Ada sesetengah pelajar pula, strategi memorinya lebih kuat daripada strategi metakognitif. Jadi waktu diterangkan cara dan tips pembelajaran, pelajar kena pandai pilih dan padankan dengan kesesuaian dirinya. Ada kajian mendapati pelajar menggunakan banyak strategi belajar tetapi tidak cemerlang, kerana strategi yang dipilih itu tidak berkesan dan tidak sesuai dengan diri serta tugasannya. Ketiga, mengawal dan menyelaras minda kerana kita adalah produk pemikiran kita. Kalau minda dapat dikawal dan diselaras secara positif waktu belajar, barulah kita akan berkeyakinan tinggi dalam mengorak langkah kejayaan. Barulah kita berfikiran positif bagi mencipta kecemerlangan. Waktu itu, segala percakapan, penulisan dan tindakan pelajar akan menunjukkan dia memiliki semangat dan keghairahan untuk berjaya. Pakar psikologi berpandangan apabila kita bercakap dengan penuh ghairah dan semangat, secara tidak langsung kita menumpahkan keghairahan dan semangat ke dalam seluruh kehidupan kita. Keempat, kekuatan hubungan dengan Tuhan dan ia adalah teras utama dalam menuntut ilmu. Kenapa saya berkata begitu? Kerana ilmu adalah cahaya yang masuk ke dalam akal dan hati yang jernih, dan kalau hubungan kita dengan Tuhan tak kuat kita takut ilmu kita hanya tinggal ilmu tapi kita tak celik akal, tiada hati budi dan moral kita gersang. Bila keempat-empat perkara ini ada, barulah tips dan kemahiran belajar kita berfungsi dengan baik dan berkesan. Untuk pelajar siswazah pula, tips kejayaan menyiapkan tesis yang baik adalah mereka kena menguasai sebaik mungkin tiga perkara. Ilmu bidang, metodologi penyelidikan, dan tatacara penganalisan data. Saya lihat ramai pelajar yang tersekat penulisannya, banyak masalah ketika *viva*, malah gagal kerana tidak menguasai salah satu domain tersebut dengan baik. Saya berhasrat untuk mencadangkan kepada pihak UniSZA agar boleh membentuk satu *team* yang mengkaji tentang kemahiran belajar, kemudian membentuk inventori. Selepas itu kita ambil beberapa sekolah di Terengganu sebagai sekolah angkat dan kita bimbing mereka dari segi tips dan kemahiran belajar. Saya lihat perkara ini dilakukan oleh beberapa orang pensyarah di UKM dan mereka laksanakan di Pahang. Projek ini berjaya sehingga mendapat perhatian dan pembiayaan daripada KDYTM Tengku Mahkota Pahang. Saya fikir ini boleh menjadi salah satu khidmat komuniti UniSZA yang mampu memasyarakatkan UniSZA dan membumikan hasil penyelidikannya kepada negeri.

### Siapakah yang menjadi sumber inspirasi Dr?

Mengenai sumber inspirasi, sebagai ahli akademik saya membahagikannya kepada dua. Sumber inspirasi di bidang pengajaran dan sumber inspirasi di bidang pembelajaran. Sumber inspirasi saya di bidang pengajaran adalah Rasulullah s.a.w.. Sewaktu di Universiti Umm al-Qura saya mengikuti kursus Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah selama empat semester. Antara bahannya ialah kaedah, teknik dan pendekatan pengajaran Rasulullah s.a.w.. Untuk kursus tersebut, saya sering menelaah kitab *al-Rasul al-Mu'alam* karangan Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah dan *al-Mu'alam al-Awwal* oleh Syeikh Fuad al-Syalhoub. Kedua-dua karya ini menghuraikan ciri, sikap, nilai dan personaliti Rasulullah s.a.w. sebagai pendidik sehinggakan ia mampu memberi inspirasi, motivasi dan *benchmark* kepada kita untuk menjadi pensyarah yang cemerlang. Saya melihat Rasulullah bukan hanya mudarris

yang memindahkan maklumat semata-mata. Baginda juga adalah murabbi, mu'allim dan mu'addib. Inilah yang saya cuba amalkan dan sarankan kepada rakan-rakan pensyarah di fakulti, khususnya di Jabatan Bahasa Arab. Kalau ini dapat dipraktikkan, kita yakin bahawa graduan yang dihasilkan kelak tinggi ilmu, moral, hati budi dan kemahiran generiknya. Sekaligus, Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan tercapai. Pada akhir tahun lepas, saya mendapati inspirasi ini telah mula diketengahkan oleh sarjana Barat. Saya ada terbaca hasil tulisan John Mark Halstead mengenainya di dalam *Jurnal Islam and Christian Muslim Relationships*. Mengenai sumber inspirasi di bidang pembelajaran pula, saya suka mentauladani Imam al-Syafii. Ketekunan, susah payah dan akhlak beliau semasa melalui proses pembelajaran sentiasa menyentuhi hati. Beliau gigih belajar sehingga mahir dalam pelbagai bidang ilmu seperti bahasa Arab, hadis, tafsir dan fikah. Saya lihat kemantapan ilmu Imam al-Syafii dan metodologi kajian fikahnya yang bersifat sistematik, empirikal dan saintifik adalah merupakan ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh setiap pelajar khususnya pelajar siswazah, dan juga tenaga akademik di institusi pengajian tinggi yang sentiasa meneroka, menyelidik dan menghasilkan ilmu. Kalau ilmu kita tidak mantap dan metodologi kita tidak kukuh maka kita tidak dapat menghasilkan penyelidikan yang bermutu dan sumbangan kepada *body of knowledge* barangkali hanya bersifat *monotonous*. Kalau saya nak tambah, saya fikir kedua-dua tokoh tersebut boleh menjadi sumber inspirasi kepada semua orang termasuk bukan Islam asalkan ia boleh memberi momentum kebaikan kepada seseorang.

### Pada pendapat Dr., bagaimana caranya untuk menggerakkan universiti ke arah menjadi satu pusat pengajaran dan penyelidikan bertaraf antarabangsa?

Saya yakin KPT sudah mempunyai perancangan yang rapi dan mantap untuk tujuan tersebut. Apa yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menghalal tujukan kesemua IPT ke arah menjadi pusat pengajaran dan penyelidikan bertaraf antarabangsa. Saya juga yakin bahawa pengurusan tertinggi UniSZA di bawah pimpinan Y.Bhg. Dato' Prof. Naib Canselor mempunyai perancangan dan bekerja keras ke arah itu. Mungkin saya boleh kongsi beberapa perkara yang saya kira merupakan elemen *fundamental* untuk menjadi sebuah IPT yang bertaraf antarabangsa, namun ia sudah mula dilupakan dan diabaikan. Pada tahun 2002 atau 2003 saya mendapat geran penyelidikan Fulbright Foundation dan saya berada di Amerika selama dua bulan untuk tujuan tersebut. Dalam tempoh tersebut saya mengikuti seminar, kursus dan kolokium di beberapa buah universiti di Massachusetts, Connecticut, dan California. Di Boston University, Massachusetts saya berpeluang menghadiri syarahan akademik yang disampaikan oleh seorang profesor. Beliau menjelaskan, untuk menjadi universiti yang ulung dan berkredibiliti tinggi, institusi tersebut mesti menjadi *neutral territory*. Saya juga menghadiri syarahan akademik oleh seorang profesor di salah sebuah universiti di California. Beliau turut menekankan betapa pentingnya universiti menjadi *neutral territory*. Saya simpulkan, kalau kita ingin menjadikan universiti di Malaysia sebagai pusat pengajaran dan penyelidikan bertaraf antarabangsa maka gagasan *neutral territory* itu perlu kukuh. Barulah percambahan pemikiran sarjana akan berkembang dengan subur dan sihat. Barulah fungsi universiti dalam mencari dan mewujudkan kebenaran, serta mempersoalkan dan memperbaharui kebenaran itu dapat dilaksanakan. Institusi perlu bersikap neutral dan warganya juga perlu bersikap neutral. Antaranya, universiti



sewajarnya memberi kebebasan kepada tenaga akademiknya untuk menyelidik, menganalisis, dan mengulas sesuatu isu atau fenomena tanpa kekangan yang boleh membunuh semangat keserjanaan. Begitu juga dengan pensyarah, kerja-kerja pengajaran dan penyelidikan seharusnya dilaksanakan secara profesional atas semangat keserjanaan yang sihat tanpa ada unsur bias atau menjejaskan nama baik institusi. Kalau elemen ini tidak wujud dalam universiti, apa yang saya takut ialah tradisi keserjanaan tidak akan berkembang. Sebaliknya, kelesuan berfikir akan bercambah sehingga membawa kepada penyakit kebebangan intelektual dalam kalangan para ilmuan. Ketika itu, ilmu, isu dan fenomena sudah tidak dapat dilihat secara ilmiah dan intelektual lagi. Perkara ini sebenarnya telah disuarakan oleh beberapa tokoh akademik negara tersohor sejak sekian lama. Tan Sri Prof. Dr. Awang Had Salleh bekas Naib Canselor UKM dan bekas Naib Canselor UUM di dalam syarahannya ketika menerima anugerah gelaran Profesor Emeritus telah menegaskan bahawa universiti yang cemerlang mesti ada tiga kriteria. Pertama, lapangan dan suasananya mendorong pensyarah dan pelajar merasa terpacu untuk mengejar kegiatan ilmu dan bergelut dengan wacana ilmiah. Kedua, ia merupakan taman birokrasi tersendiri dan unik yang tidak mematahkan kesuburan dan pencernaan kegiatan keilmuan. Ketiga, ia sebuah taman minda di mana tugas pensyarah sentiasa menyiram air mawar keilmuan untuk menyuburkan minda keseluruhan warganya. Seterusnya, di dalam konteks UniSZA kini, saya melihat kejayaannya untuk menjadi universiti cemerlang juga bergantung kepada sejauh mana kita mampu mengurus transisi dan transformasi yang sedang berlaku. Penubuhan UniSZA ada sejarahnya yang unik dan menarik. Justeru, ia memerlukan jentera transformasi yang kuat yang mampu membangunkan manual transformasi serta mengubah set minda dan budaya secara tersusun. Saya yakin kalau ini dapat dihasilkan maka kita telah berada di permulaan yang betul dan meletakkan asas yang mantap bagi penjajaran seterusnya dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

#### **Apakah halangan-halangan yang barangkali memperlahankan staf akademik kita bergiat aktif dalam arena penerbitan?**


Secara umumnya, banyak halangan yang menghalang kita daripada menghasilkan penerbitan. Antaranya, tiada keyakinan, tiada masa, tiada idea, tiada dorongan, malas, tidak tahu bagaimana hendak bermula, hilang momentum dan sebagainya. Pada pandangan saya, halangan besar kepada pensyarah adalah kerana tidak menjalankan penyelidikan atau hasil penyelidikan yang tidak berkualiti. Trend penerbitan kini adalah berbeza jika dibandingkan dengan 15 tahun lepas. Dulu, satu tajuk mungkin hanya ditulis oleh tiga orang. Tapi kini, ia mungkin ditulis oleh sepuluh orang. Ini tidak termasuk bahan-bahan di internet. Justeru, penulisan akademik kini perlu unik, terkini, analitikal dan memberi sumbangan signifikan. Ciri-ciri ini hanya dapat dipenuhi apabila kita menjalankan penyelidikan. Selain itu, ada yang menulis hasil daripada penyelidikan tetapi sentiasa ditolak. Apabila selalu ditolak, penulis *demotivated* lalu berhenti menulis. Pengalaman saya menjadi editor bagi *Journal of Islamic and Arabic Education* semenjak tiga tahun mendapati bahawa kebanyakan artikel ditolak oleh pewasit adalah kerana objektif kajian yang tidak tepat, metodologi yang lemah, tatacara penganalisan data yang salah, ulasan yang tidak kritikal, dan tiada sumbangan signifikan. Jadi, ia berbalik sejauh mana kita menguasai dan mempraktikkan kaedah kajian dengan betul. Seperkara lagi yang boleh saya kongsi ialah artikel jurnal juga ditolak kerana huraiannya sama ada di dalam sorotan literatur dan latar belakang atau perbincangan dan kesimpulan adalah tidak mendalam. Ini biasanya disebabkan kerana kajian yang dilakukan bukan di dalam bidang pengkhususan penyelidikan. Sepatutnya, penyelidikan dilakukan bagi mengemaskinikan maklumat, mengembangkan teori, memberi sumbangan baru, dan memperbaiki P & P dalam bidang tujuhan masing-masing. Sebab itu, sesetengah universiti bersoal jawab dengan pensyarah tentang penerbitan untuk tujuan

kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan. Mereka mahu memastikan penerbitan pensyarah di dalam bidang tujuhan dan bukannya bercapah. Pada sesetengah orang, pulangan kewangan yang tidak lumayan juga mungkin menjadi halangan untuk menulis bahan akademik.

#### **Jadi, bagaimanakah halangan-halangan tersebut dapat di atasi?**

Pusat Penerbitan UniSZA boleh memainkan peranan aktif untuk menggalakkan dan membantu pensyarah menghasilkan penerbitan. Pusat penerbitan kena mengadakan pelbagai bengkel seperti bengkel penulisan tesis ke buku, monograf, prosiding, modul dan sebagainya. Kalau kekurangan staf Pusat Penerbitan menjadi halangan untuk menganjur bengkel, saya rasa ia boleh diadakan secara kerjasama dengan fakulti. Setiap fakulti menjadi host secara bergilir. Kemudian, seperti yang saya katakan tadi, penerbitan akademik terhasil apabila penyelidikan dijalankan. Kehidupan pensyarah sering dikaitkan dengan ungkapan 'publish or perish', 'terbit atau lenyap'. Oleh itu, pensyarah kena terus menjalankan penyelidikan dan sentiasa mengemas kini maklumat tentang ilmu kaedah penyelidikan. Ilmu tersebut sentiasa berkembang dan aliran baru sama ada dalam kuantitatif atau kualitatif mula muncul dengan hujah-hujah yang kuat. Untuk menyelesaikan masalah ini, bengkel penyelidikan perlu diadakan secara aktif dan berstruktur. Saya fikir Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) atau fakulti masing-masing sedar tentang perkara ini. Sebab itu banyak bengkel-bengkel penyelidikan diadakan. Tinggal lagi, bila disebut bengkel, ia mesti menghasilkan sesuatu. Jadi hasilnya saya tak pasti. Saya yakin setiap manusia ingin dihargai dan diberi imbuhan. Penghargaan dan imbuhan untuk kakitangan akademik datang dalam pelbagai bentuk. Antaranya, kenaikan pangkat yang sangat unik. Di jabatan lain, kenaikan pangkat ada kuotanya dan kena bersaing. Tetapi di universiti, kenaikan pangkat tiada kuota dan kita tidak bersaing dengan pensyarah lain. Sebaliknya, kita bersaing dengan diri kita sendiri. '*We compete with ourselves*'. Itulah masalah kita kerana pesaing kita adalah diri kita sendiri. Jadi, kita kena sentiasa ingatkan diri kita bahawa 'hari ini kita ingin jadikan lebih baik daripada semalam, dan hari esok kita hendak jadikan lebih baik daripada hari ini'. Ketika itu kita tidak akan cemburu dan hasad dengki kepada orang lain. Sebaliknya kita akan bermotivasi, rasa segar, kreatif dan inovatif untuk menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan. Tentang pulangan kewangan yang tidak lumayan melalui penerbitan akademik, saya teringat kata-kata Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin kepada saya ketika berbual dengannya di kafeteria UKM 'dunia akademik tidak akan menjadikan kita kaya'. Jadi memadailah dengan semangat 'ilmu demi faedah insan' yang terkandung di dalam hadis "Demi Allah, sesungguhnya Allah memberi petunjuk kepada seseorang dengan sebab (atau melalui) kamu adalah lebih baik untuk kamu daripada seratus ekor unta (humru al-ni'am)". Tetapi, saya rasa PPPI telah mengambil langkah proaktif dalam hal ini apabila memperkenalkan imbuhan penerbitan bermula daripada tahun lepas. Saya yakin, melalui cara ini pensyarah akan bersemangat untuk menghasilkan penerbitan dan jumlahnya bakal meningkat.

## Scientific Visit to Herbarium Bogoriense and Bogor Botanical Garden



A scientific visit to the Herbarium Bogoriense, *Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia* (LIPI) at Cibinong and Bogor Botanical Garden, Bogor, Indonesia was successfully carried out from 21<sup>st</sup> to 27<sup>th</sup> December 2010. The main objective of this visit was to obtain the morphological and molecular data of *Ficus deltoidea* variety *motleyana* and *Morus alba* which were not available in the germplasm collection of the Faculty of Agriculture and Biotechnology (FAB) germplasm collection at that time. The second objective was to focus on the handling techniques and management system of the herbarium specimens and living collections of Herbarium Bogoriense which are very important for effective implementation at the FAB Herbarium of UniSZA. The third objective was to present the current progress of Germplasm Collections & Research on *Ficus deltoidea* Jack at FAB, UNISZA to the researchers of LIPI.

To fulfill the above objectives, three academicians from the Department of Agriculture and Biotechnology who studied morphological and molecular aspects embarked in this scientific visit. The scientists were Assoc. Prof. Dr. Nashriyah Mat (project head), Nur Fatimah Hasan Nudin (lecturer) and Nor Zuhailah Mazlan (tutor) from the Department of Agricultural Sciences.



This visit was funded by the FRGS and University Grant (Seed money). This visit was a good start to forge an effective research collaboration and networking between the Herbarium Bogoriense and the Faculty of Agriculture and Biotechnology, Universiti Sultan Zainal Abidin. The photos here depict the spirit of cooperation. During our work in the meeting room, herbarium, laboratory and botanical garden positive feedback was gained from the attending scientists of LIPI.

## Karnival Kesenian Islam: UniSZA Cemerlang

UniSZA menduduki tempat kedua secara keseluruhan daripada 15 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menyertai Pertandingan Musabaqah Terbuka IPT 2011 Sempena Karnival Kesenian Islam anjuran Kolej Ungku Omar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 19-20 Mac. Daripada tujuh acara yang dipertandingkan UniSZA menyertai enam acara iaitu tilawah al-Quran, pidato, tulisan khat, azan, berzanji dan nasyid.



UniSZA muncul sebagai johan bagi acara tilawah al-Quran kategori wanita, tulisan khat wanita dan pidato lelaki dan wanita. Bagi acara tilawah al-Quran lelaki, azan dan berzanji pula, para peserta yang mewakili UniSZA berjaya menduduki tempat kedua, manakala untuk acara tulisan khat lelaki, UniSZA berjaya mendapat tempat ketiga. Para pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai, piala iringan dan cenderahati.

## Lawatan Sambil Belajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkong

Sek. Men. Kangkong, Pasir Mas Kelantan telah mengadakan sambil belajar ke FRIT pada 28 April 2011. Peserta terdiri daripada 40 orang pelajar tingkatan empat dan lima dalam bidang Pendidikan Seni dan diiringi oleh empat orang guru. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang bidang rekabentuk dan kaitannya dengan industri. Para pelajar

didedahkan dengan persekitaran kampus serta suasana pembelajaran di samping berpeluang melawat Bengkel Rekabentuk untuk melihat dengan lebih dekat peralatan yang digunakan oleh para pelajar program berkenaan. Selain itu, peserta turut berpeluang melihat hasil projek akhir yang telah dihasilkan oleh pelajar FRIT.



## Lawatan Panel Malaysian Institute of Accountants (MIA) Ke FPPP

Panel penilai MIA telah mengadakan lawatan penilaian bagi tujuan akreditasi Program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian pada 13 hingga 14 Mac 2011 ke Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP). Panel-panel yang terlibat dalam lawatan ini ialah Prof. Madya Hashanah Ismail, Dr. Azizah Abdullah, Ali Shah Hashim, Wan Norehan Wan Ahmad dan Mohd Muzammir Bakri. Lawatan ini bertujuan untuk memeriksa dokumen dan mengadakan lawatan ke kuliah-kuliah yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus perakaunan. Selain itu, temuduga juga dijalankan ke atas pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar perakaunan termasuk yang telah bergraduasi. Hasil daripada lawatan tersebut, FPPP dikehendaki membuat beberapa tindakan pembetulan untuk diserahkan kepada pihak MIA.

## UniSZA Juara Kuiz Sejahtera Alam Sekitar

Empat orang pelajar Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul juara Kuiz Sejahtera Alam Sekitar Peringkat IPT sempena Karnival Alam Sekitar 1 Malaysia 2011 (KALAM'11) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

UniSZA yang diwakili oleh Ng Koon Guan, Mohamad Wazli Rasni, Muhammad Hafis Rizaludin dan Mohammad Marzuki Abdullah berjaya menewaskan tujuh pasukan lain yang terpilih ke pertandingan akhir. Mereka membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM1000 dan trofi. Pemenang tempat kedua, Universiti Teknologi Mara (UiTM) membawa pulang wang tunai RM750 dan tempat ketiga, wakil Institut Perguruan Bangi membawa pulang RM500.

## Lawatan Akademik *Exhibition Design*

Pada 17 hingga 20 Mac 2011, satu lawatan akademik *Exhibition Design* ke sekitar Kuala Lumpur telah dijalankan oleh pelajar program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian semester VI. Seramai 22 orang pelajar terlibat dalam lawatan tersebut. Tujuan utama program ini adalah untuk mendapatkan informasi berkait dengan pengurusan dan persediaan yang perlu dilakukan

dalam menghasilkan projek pameran dan pembuatan produk mengikut perkembangan dan peredaran semasa. Para peserta berpeluang melawat pameran di Majlis Rekabentuk Malaysia, pameran bangunan dan pembinaan di Mid Valley, Mega Mall, pameran Maxis di Pavilion dan melihat reka bentuk perabot terkini di Ikea.

# Dasar-Dasar Fiqh Perubatan

Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim

Fiqh perubatan merupakan sebahagian daripada Fiqh Islami yang melibatkan ibadah, muamalat, jenayah dan lain-lain. Terdapat lima dasar kepada fiqh perubatan iaitu menjaga maqasid al-shariah, tidak terikat dengan sesuatu mazhab fiqh, mengambilkira rukhsah, meraikan keadaan darurat dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh.

## **Menjaga Maqasid al-Shariah (Objektif Syariah)**

Syariat Islam yang diturunkan Allah s.w.t. mempunyai objektif yang jelas iaitu untuk menjaga kepentingan (masalah) kehidupan manusia dan mengelakkan kemudaratan (mafsadah). Kepentingan tersebut berbeza-beza menurut keutamaan, hajat dan keperluan manusia. Peringkat pertama ialah *maslahah daruriyah* yang dibahagikan kepada lima iaitu agama, nyawa, akal, harta serta kehormatan dan keturunan. Ketidadaannya akan membawa kemusnahan kepada manusia. Peringkat kedua pula adalah kepentingan yang melengkapkan kepentingan pertama. Ketidadaannya tidak membawa kemusnahan kepada kehidupan manusia, tetapi manusia akan menghadapi sedikit kesukaran. Contohnya ialah rukhsah dalam ibadat, hukum-hakam muamalat, hukum-hakam adat dan sebagainya. Peringkat ketiga adalah kepentingan yang berfungsi untuk memperelokkan kehidupan manusia seperti akhlak yang mulia, akal yang sihat dan kesejahteraan hidup.

## **Tidak Terikat dengan Sesuatu Mazhab Fiqh**

Boleh dikatakan mustahil sesuatu mazhab dapat menyelesaikan semua masalah masyarakat Islam dalam semua keadaan. Sesetengah mazhab mungkin sesuai untuk sesetengah keadaan, tetapi tidak untuk keadaan yang lain. Contohnya, pesakit yang tidak boleh membasuh bahagian yang sakit kerana boleh mendatangkan mudarat. Dalam situasi ini, ulama-ulama mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa pesakit tidak perlu membasuh bahagian yang sakit, sebaliknya cukup dengan disapu sahaja dan tidak perlu bertayammum selepas itu. Bagi ulama mazhab al-Syafi'i dan ulama mazhab Hanbali dalam satu pendapat yang lain, pesakit dikehendaki membasuh bahagian yang boleh terkena air dan bertayammum untuk bahagian yang sakit.

Dari segi kemestian, ulama-ulama mazhab Maliki, al-Syafi'i dan juga Hanbali menghukumkan bahawa tayammum hanya dikira sah apabila dilakukan setelah masuk waktu solat. Berbeza dengan ulama mazhab Hanafi, tayammum adalah bersuci yang mutlak dan harus dilakukan sebelum masuk waktu solat. Dari segi masa bertayammum pula, ulama bagi keempat-empat mazhab bersepakat bahawa cara yang paling afdal ialah dilewatkan tayammum sehingga akhir waktu, jika ada harapan memperoleh air. Jika tidak, digalakkan bertayammum pada awal waktu, menurut majoriti ulama selain daripada ulama mazhab Hanbali. Ini bermakna jika seseorang pesakit meyakini penyakitnya akan sembuh atau boleh menggunakan air menurut nasihat doktor, hendaklah ditunggu masa tersebut asalkan tidak meluputkan masa solat. Jika tidak timbul keyakinan tersebut, tidak perlu berbuat demikian.

Teknik rawatan terkini, kaedah pelaksanaan ibadat bagi pesakit dan orang yang merawat pesakit, penggunaan ubat-ubatan dan lain-lain memerlukan keluasan ijtihad untuk menyelesaikannya. Dalam berhadapan dengan isu-isu fiqh perubatan, kita tidak boleh terlalu terikat dengan pendapat satu mazhab sahaja tetapi boleh mengaplikasikan pendapat mazhab lain demi kemaslahatan umat melalui konsep *talfiq* (mencampurkan pendapat pelbagai mazhab dan mengamalkan lebih daripada satu pendapat mazhab).

Keharusan ini mempunyai syarat-syaratnya seperti yang ditetapkan oleh Akademi Fiqh Islam bagi mengelakkan umat Islam menuruti hawa nafsu dalam mengamalkan *talfiq*. Syarat pertama ialah tidak mengambil pendapat yang mudah (*Tatabbu' al-Rukhas*) yang tercela kerana nafsu atau tidak menepati syarat rukhsah yang telah ditetapkan. Syarat kedua pula ialah tidak menyebabkan pembatalan hukuman yang telah diputuskan hakim, iaitu tidak membatalkan hukum yang telah ditetapkan ketika bertaqlid dalam sesuatu masalah. Ketiga, tidak bertentangan dengan ijmak muslimin; keempat, tidak membawa kepada percampuran hukum yang tidak diiktiraf oleh mana-mana mujtahid sehingga menyebabkan tiada langsung unsur taklif dan yang terakhir adalah tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal.

## **Mengambilkira Rukhsah (Kelonggaran Syarak)**

Konsep rukhsah membenarkan umat Islam melakukan ibadat dengan cara berbeza daripada cara asal. Rukhsah bermaksud seseorang boleh meninggalkan sesuatu kewajipan, demi menjaga kepentingan kehidupan yang lebih besar. Antara contoh ibadat yang boleh menggunakan konsep ini ialah mengumpulkan (jamak) dua solat dan memendekkan (qasar) solat empat rakaat menjadi dua rakaat bagi orang yang bermusafir, berbuka puasa dan menggantikannya pada hari-hari lain bagi orang yang bermusafir, mengucapkan kalimah kufur demi menyelamatkan nyawa, apabila dipaksa berbuat demikian, sebagaimana yang berlaku kepada Ammar bin Yasir r.a. dan menunaikan solat mengikut kemampuan, iaitu jika tidak mampu berdiri, boleh dilakukan secara duduk. Jika tidak mampu duduk boleh dilakukan secara berbaring. Jika tidak mampu menggerakkan anggota-anggota badan ketika berbaring, memadai dengan menggerakkan mata sahaja.

## **Meraikan Keadaan Darurat**

Keadaan darurat membuatkan seseorang boleh melakukan perkara haram. Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(al-Baqarah: 17).

Ayat ini menjelaskan bangkai, darah, daging khinzir dan binatang yang disembelih bukan kerana Allah, adalah haram dimakan, tetapi dibolehkan bagi orang yang berada dalam keadaan darurat atas dasar untuk keselamatan nyawa dan bukannya untuk berseronok-seronok. Islam juga mengharuskan seseorang individu membuang mana-mana anggota badan yang dijangkiti kuman, agar tidak merebak ke seluruh badan, mengharuskan seseorang mengambil ubat dari sumber yang tidak halal, melihat aurat pesakit, menyentuh dan melukakan tubuhnya untuk tujuan perubatan. Kadangkala, keadaan yang menyukarkan boleh dikira sebagai darurat, walaupun tidak membawa kepada situasi yang membahayakan nyawa atau anggota.

Walaupun begitu, seseorang pesakit dikehendaki memastikan bahawa keadaan darurat itu telah berlaku dan bukannya akan berlaku, tidak terdapat cara lain yang diharuskan, yang boleh digunakan untuk menolak keadaan darurat itu. Situasi darurat itu benar-benar mendesak, iaitu pesakit benar-benar bimbang akan berlaku ancaman kepada nyawa atau mana-mana anggota badannya, tidak melanggar hak orang lain, melakukan perkara yang harus dilakukan dalam keadaan darurat pada tahap minima bagi membendung kemudaratan. Pihak berkuasa hendaklah benar-benar memastikan wujud kemudaratan atau kesukaran yang amat kritikal.

### **Menggunakan Kaedah-kaedah Fiqh**

Kaedah fiqh ialah kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh ulama Fiqh, berdasarkan nas-nas al-Qur'an atau hadis, bagi memudahkan urusan melakukan ijtihad dalam menangani isu-isu baru (al-Qardawi 1990: 278). Ini menunjukkan syariat Islam, adalah syariat yang anjal dan dapat memenuhi keperluan segala bentuk masyarakat, yang berhukum dengannya. Ia juga dapat merawat keseluruhan masalah dalam semua persekitaran yang dihuninya.

Antara kaedah fiqh yang paling penting ialah segala sesuatu dilakukan berdasarkan kepada niat, kesukaran mendatangkan kemudahan, keadaan darurat mengharuskan perkara-perkara yang haram, perkara yang diharuskan mengambilnya kerana keadaan darurat, ditentukan mengikut kadarnya, kemudaratan hendaklah dihilangkan, kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan juga, apabila bertembung dua bentuk kerosakan, hendaklah diraikan yang lebih besar kemudaratanya, dengan melakukan yang lebih kecil kemudaratanya dan membendung kerosakan perlu didahulukan berbanding mengutamakan kemaslahatan.

### **Penutup**

Melihat kepada dasar-dasar fiqh perubahan yang dijelaskan, ia merupakan satu dasar yang konkrit. Ini untuk memastikan perjalanannya betul-betul memenuhi kosep ketakwaan kepada Allah dan jauh daripada mengikuti hawa nafsu dan perasaan mempermain-mainkan hukum syarak. Ini adalah penting supaya kehidupan kita di dunia ini benar-benar bertujuan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. melalui segala hukum syarak yang telah disyariatkanNya ke atas kita. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

*....maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(al-Baqarah: 173)

Ungkapan tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas, menjelaskan amalan sesuatu hukum di saat darurat, tidak boleh dilakukan kerana mengikut hawa nafsu. Tambahan pula Allah s.w.t. berfirman yang maksudnya:

*.... Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.*

(Sad: 26)

# The Most Expensive Book in the World

*Anuar McAfee*

On December 7, 2010 at a Sotheby's auction in London England, one of only eleven privately held copies of John James Audubon's *The Birds of America* (1827-1838) was sold to a private collector for RM36.5 million. This staggering amount made it the most expensive book in the world. Many of us have never heard of this book, so what makes it so valuable?

*The Birds of America*, written in the early 1800's, depicts 435 species of birds found in North America. Each page or plate is dedicated to just one species, drawn life size, and fully hand-coloured. Each page measures 97 x 65cm. Called the 'double-elephant folio', the pages are large because Audubon insisted on painting all the birds life size, even the enormous Eagles, Herons and Pelicans.



Figure 1. Spragues's Missouri Lark



Figure 2. Fork-tailed Gull

Audubon was an explorer, hunter, ornithologist and a great artist. He combined his vast knowledge of wildlife in the new world with his artistic skills to produce images of birds in as natural a state as possible, something never before seen in ornithological illustrations.

Audubon struggled to get his *Birds of America* book published. In America, he was shunned by both printers and the scientific community because they felt his work was inferior. In truth, the local scientific community of the time actually felt threatened by Audubon, as his work truly was in a class of its own. Audubon then brought his ideas across the Atlantic to England and Scotland where he found support from scientists, naturalists and printers who were hungry for natural history knowledge from the new world. It was in Scotland and England that the book was finally printed.

Audubon did not sell the book in its complete form, rather, it was sold by subscription, in a series, over time. Subscribers would receive five plates at a time, and if they continued their subscription, they would bind the accumulated plates together themselves, making them into a book.

Just as Audubon was completing the double-elephant folio edition, he began work on a smaller, less expensive Octavo edition, measuring 16.5cm x 26cm. Approximately 1,200 copies of the first edition of this work were produced.



Figure 3.  
Bartrams Vireo or Greenlet



Figure 4.  
Common Buzzard



Figure 5.  
Long-eared Owl

For those who cannot afford the price tag of the double-elephant folio edition, the Octavo can be a less expensive way to own a part of history. The Octavo edition, published in 1840, was completely hand coloured and has 500 plates, depicting many new species discovered after the completion of the double-elephant folio edition.

A full Octavo edition of *Birds of America* is very rare, but individual plates can be found on eBay, at antique dealers and auction houses. A single page of a smaller bird from this edition costs as little as RM300, while a plate with one of the more iconic species can cost more than RM10,000.

It is interesting to note, that in this fast paced, high-tech world we live in today, there is still a book that holds much value to so many, a book about birds. Written almost 200 years ago, Audubon's *Birds of America* is still able to show us the best nature has to offer.



## Mahasiswa IPT Pantai Timur Menjayakan Program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1Malaysia

Kijal - Seramai 547 mahasiswa/i berbangsa Melayu, Cina, India serta bumiputera Sabah dan Sarawak dari 16 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Zon Pantai Timur menjayakan program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1 Malaysia di Dun Kijal dan Dun Kemasik, Kemaman pada 10-13 Disember 2010.

Program yang bertemakan 'Cakna Masyarakat' ini dianjurkan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan Kementerian Pengajian Tinggi mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Majlis perasmian program ini disempurnakan oleh YBM Dato' Tengku Putera Tengku Awang di Padang Awam Kijal yang mewakili YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri merangkap Menteri Mentor UniSZA. Beliau kemudiannya mengagihkan peserta kepada keluarga angkat masing-masing.

Semua mahasiswa dari UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kubang Kerian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus

Kuantan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dungun, UiTM Kampus Jengka, UiTM Kampus Machang, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Kota Bharu, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Universiti TATI (TATIUC) dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah menjadi anak angkat kepada penduduk sekitar. Seramai 347 orang daripada mereka menjadi anak angkat di kampung-kampung sekitar Dun Kijal dan selebihnya di kampung-kampung sekitar Dun Kemasik.

Melalui program ini mahasiswa dilatih untuk menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang terlibat dalam program ini seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Program sebegini membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk menyalurkan kemahiran masing-masing kepada masyarakat.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena program ini adalah pameran pendidikan dari agensi kerajaan dan semua IPT terlibat, program berkhatan, pemeriksaan kesihatan dan derma darah, program motivasi pelajar, kelas fardhu ain untuk pelajar sekolah rendah, kursus pengurusan jenazah, penyelenggaraan kediaman (elektrikal dan perpaipan), kelas memasak dan gotong royong. Rata-rata penduduk yang ditemui mengalu-alukan program ini dan berharap dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

## Program Kebolehpasaran Graduan UniSZA

*Prof. Madya Dr. Ahmad Shukri Yazid, Ketua CAP Kebolehpasaran Graduan UniSZA*

Kebolehpasaran graduan adalah merupakan salah satu *Critical Agenda Project (CAP)* bagi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Idea bagi mewujudkan program ini timbul setelah pihak kerajaan melihat persaingan yang tinggi bagi para graduan mendapatkan pekerjaan. Dengan hasrat kerajaan, agar 50% *cohort* pelajar berumur 18 hingga 30 tahun melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi menambahkan lagi persaingan untuk mendapatkan pekerjaan.

Tujuan utama Program Kebolehpasaran Graduan ialah untuk memberi kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh majikan kepada para graduan. Setiap institusi pengajian dikehendaki merangka aktiviti-aktiviti yang boleh mengasah kemahiran di kalangan para pelajar. Berbekalkan kemahiran-kemahiran ini diharapkan para graduan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk mendapatkan pekerjaan.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, UniSZA juga tidak terkecuali untuk mengadakan program ini. Di bawah *CAP* Kebolehpasaran Graduan, sebanyak empat aktiviti utama telah dirancang dan dilaksanakan bermula Semester II Sesi 2010/11. Program-program ini ialah Program Ketrampilan dan Kepimpinan,

Program Kerjaya Pelajar, Program Komunikasi Bahasa Arab dan Program Keusahawanan Perancang Kewangan Islam.

Objektif Program Keterampilan dan Kepimpinan ialah membentuk pelajar yang lebih dinamik dan mempunyai kemahiran insaniah yang sesuai, manakala Program Kerjaya Pelajar memberi penekanan kepada beberapa aspek penting seperti pernyediaan *resume*, kemahiran yang dikehendaki para majikan dan teknik temuduga. Program Komunikasi Bahasa Arab pula memfokuskan kepada penggunaan bahasa yang betul, dengan harapan agar kompetensi Bahasa Arab di kalangan pelajar akan meningkat. Akhirnya, Program Keusahawanan Perancang Kewangan Islam pula ingin melahirkan usahawan dalam bidang perancang kewangan Islam. Semua aktiviti-aktiviti di bawah *CAP* Kebolehpasaran Graduan ini ditanggung oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Kami mengharapkan pelajar-pelajar yang mengikuti program-program kebolehpasaran graduan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapat pekerjaan di sektor awam dan swasta. Pada masa yang sama diharapkan juga sebahagian mereka akan menjadi usahawan berjaya.

## Majlis Anugerah Dekan FIT

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Informatik (FIT) Semester I Sesi 2010/11 telah diadakan pada 17 Mac untuk meraikan para pelajar cemerlang fakulti ini. Razali Saaran, penulis buku *Hebatnya Rasulullah Mendidik* turut sama diundang untuk menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar. Seramai 45 orang pelajar menerima Anugerah Dekan yang terdiri daripada lapan orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat, sembilan orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) dan 28 orang pelajar Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian). Penerima Anugerah Pelajar Terbaik Fakulti ialah Siti Nur Hidayah Ismail, iaitu pelajar Diploma Teknologi Maklumat dengan GPA 3.94. Khoo Chu Sien pula dipilih untuk menerima anugerah Pelajar Terbaik Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) dengan GPA 3.91, manakala Muhammad Thoha Ahmad yang memperoleh GPA 3.82 dipilih untuk menerima anugerah Pelajar Terbaik Diploma Teknologi Maklumat. Pelajar Terbaik bagi Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) pula dianugerahkan kepada Mohd Zaim Kalamahidan yang memperoleh GPA 3.91.



## Majlis Anugerah Dekan FRIT

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) Semester I sesi 2010/2011 telah berlangsung pada 14 April 2011 bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan pelajar-pelajar fakulti yang berjaya dalam bidang akademik dan sukan. Majlis ini melibatkan semua kakitangan dan pelajar fakulti di samping beberapa orang wakil daripada fakulti lain.

Seramai 41 orang pelajar menerima anugerah berkenaan. Anugerah Terbaik Program bagi program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dirangkul oleh Nor Mastura Abdul Halim. Penerima anugerah terbaik untuk program Diploma Reka Bentuk Perindustrian pula adalah Muhammad Thaqif Abd Latif, manakala pelajar terbaik bagi program Diploma Teknologi Pembuatan

adalah Norliyana Nor Azli yang turut menerima Anugerah Terbaik Fakulti.

Selain daripada anugerah tersebut, hadiah turut diberikan kepada kakitangan fakulti dalam beberapa kategori yang dikendalikan oleh pelajar. Anugerah pensyarah popular bagi Program Reka Bentuk Perindustrian dimenangi oleh Firoz @ Mohd Firoz Ahmat Basri, manakala Ismail Abdul Rahman pula memenangi anugerah yang sama bagi Program Teknologi Pembuatan. Anugerah staf pentadbiran popular juga turut dipertandingkan dan dimenangi oleh Asmawati Noor Muhamat. Hosni Rifin pula memenangi anugerah staf sokongan akademik popular.

# Pengantarabangsaan Memperkasa UniSZA

*Dr. Abdul Hakim Abdullah*

Di antara Misi Nasional yang mendapat perhatian serius Kerajaan Malaysia ialah untuk melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama bagi menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Bertolak dari sini, pada tahun 2007 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggubal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan berasaskan tujuh teras. Teras kelima ialah mempergiat pengantarabangsaan.

Dokumen PSPTN tersebut menyatakan dengan jelas bahawa dalam konteks mempergiat pengantarabangsaan, KPTM akan berusaha untuk mempertingkatkan jaringan kolaborasi dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar negara, purata 10% keseluruhan enrolmen pelajar antarabangsa, 5% pelajar antarabangsa dalam kursus kompetitif, pelajar pasca kedoktoran di IPT terbaik dunia, purata 15% keseluruhan tenaga pengajar antarabangsa di Universiti Penyelidikan dan mobiliti pelajar dengan pemindahan kredit.

Usaha pengantarabangsaan ini telah menuntut perubahan minda dan anjakan paradigma dalam kalangan warga universiti agar mereka sentiasa relevan dengan arus globalisasi yang sememangnya menuntut kebolehan serta kemampuan bersaing. Satu pemahaman harus dibentuk dalam kalangan warga universiti terhadap peranan universiti dan ahli akademik, perkembangan yang memenuhi keperluan pasaran, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan dalam sistem inovasi kebangsaan, kaedah pengajaran dan pembelajaran, perluasan akses dan mobiliti pengetahuan, globalisasi dan piawai melalui pemeringkatan atau penarafan dan peluang guna tenaga.

Inilah cabaran dan tanggungjawab yang harus dipikul bersama oleh warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dalam konteks mempergiat pengantarabangsaan, setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) khususnya fakulti-fakulti perlu merancang ke arah pengantarabangsaan PTj masing-masing. Kita sedar bahawa UniSZA dengan usia yang masih muda, sudah pasti menghadapi pelbagai cabaran untuk bersaing dengan IPT lain yang sudah lama menempa nama. Sememangnya dengan jumlah tenaga akademik pakar yang terhad, kemudahan prasarana yang masih dalam pembinaan serta kekangan kewangan merupakan kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh UniSZA. Walau bagaimanapun, dengan perkongsian pengalaman dengan IPT lain, perancangan yang strategik, pelaksanaan yang sistematik serta budaya kerja secara berpasukan, sudah pastinya tugas yang sukar dapat diringkaskan.

Pengantarabangsaan turut dikategorikan sebagai salah satu daripada Projek-Projek Agenda Kritikal (CAPs). Setiap tahun lawatan keserakanan dari Pejabat Pengurusan Projek (PMO), Kementerian pengajian Tinggi diadakan ke setiap universiti untuk membantu membuat penambahbaikan dalam usaha mencapai sasaran PSPTN termasuklah usaha pengantarabangsaan. Pada akhir setiap tahun, Naib Canselor setiap IPTA perlu melaporkan pencapaian masing-masing terhadap agenda-agenda kritikal kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi bagi memastikan agar kesemua IPTA bergerak maju ke arah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Dari skop CAPs-pengantarabangsaan, beberapa item yang dijadikan petunjuk pencapaian universiti ialah, pertambahan; jumlah pelajar antarabangsa, jumlah staf akademik antarabangsa, program mobiliti pelajar (minimum tujuh hari), program mobiliti staf (minimum tujuh hari), jumlah pelajar yang ditaja oleh agensi luar negara dan program pengajian yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional luar negara. UniSZA telah mengadakan beberapa lawatan termasuk lawatan pameran pendidikan, MoU dan sebagainya ke beberapa buah universiti luar negara bagi memastikan pencapaiannya dalam memenuhi kehendak CAPs. Di antara negara-negara yang telah dilawati ialah China, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Vietnam, Thailand, Indonesia dan lain-lain lagi.

Ekoran daripada lawatan tersebut serta usaha yang baik dari pihak fakulti-fakulti di UniSZA, sehingga kini, UniSZA telah mempunyai 17 orang pelajar antarabangsa, 21 orang staf akademik antarabangsa, lapan orang pelajar terlibat dengan program mobiliti, dua orang staf akademik terlibat dengan program mobiliti staf, dua orang pelajar antarabangsa mendapat tajaan daripada agensi dari negara masing-masing, manakala UniSZA masih belum mempunyai program pengajian yang diiktiraf oleh badan profesional antarabangsa. Pencapaian ini akan menjadi lebih baik memandangkan beberapa PTj akan mengadakan aktiviti di peringkat antarabangsa antaranya ialah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) akan mengadakan Program Misi Pembangunan Sosial Antarabangsa Kor-SUKSIS di Vietnam yang melibatkan 30 orang pelajar dan dua orang staf akademik, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) sedang merancang untuk mengadakan program mobiliti di Jordan dan Thailand, Fakulti Teknologi Makanan (FTM) sedang merancang program mobiliti di Thailand dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) yang turut dalam perancangan untuk mengadakan program tersebut di Thailand dan Vietnam.

Pengurusan UniSZA telah menjadikan tahun 2011 sebagai tahun mempergiat pengantarabangsaan. Ini sesuai dengan tempoh usianya yang telah melepasi tempoh perletakan batu asas. Semoga setiap PTj khususnya fakulti-fakulti di UniSZA dapat merancang program pengantarabangsaan masing-masing agar pencapaian UniSZA terhadap sasaran-sasaran CAPs dapat dibanggakan walaupun usianya baru mencecah lima tahun. Satu faedah yang boleh dibanggakan menerusi program mobiliti dengan universiti yang dikenalpasti ialah akan terwujud jalinan akademik yang akrab. Menerusi jalinan ini semestinya akan menghasilkan kerjasama yang erat dalam aspek-aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang secara tidak langsung memperkasa nama UniSZA di persada dunia dan membuktikan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap kewibawaan UniSZA.



## Pertandingan Drama Bahasa Perancis

Pelbagai kursus bahasa moden telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar di UniSZA sebagai sebahagian daripada usaha melengkapkan graduan bagi menghadapi persaingan dalam pasaran kerja. Justeru, penguasaan bahasa ketiga merupakan nilai tambah yang dapat meningkatkan tahap daya saing tersebut. Salah satu daripada bahasa yang ditawarkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) ialah Bahasa Perancis.

Untuk itu pertandingan drama Bahasa Perancis telah diadakan pada 2 April 2011 di Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak. Pertandingan ini diadakan khas untuk para pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga. Para pelajar telah menunjukkan minat yang mendalam dan memberikan persembahan terbaik untuk kumpulan masing-masing.



## Pertandingan *D.M. Harish Memorial Government Law College Moot Court ke-12*

FUHA telah menghantar empat orang pelajar ke Government Law College, Mumbai, India untuk menyertai pertandingan *D.M. Harish Memorial Government Law College Moot Court ke-12* pada 10 hingga 13 Februari 2011. Penyertaan ini bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk menimba pengalaman *mooting*

dalam kursus undang-undang antarabangsa dan mengembangkan lagi kemahiran advokasi pelajar. Sebanyak 28 pasukan menyertai pertandingan ini. Pasukan FUHA mendapat tempat ke-9 bagi *Memorials*, tempat ke-19 bagi *Oral Submissions* dan tempat ke-21 bagi *Researcher's Test*.

## Pertandingan *Philip C. Jessup International Mooting (National Round)*

FUHA telah menghantar empat orang pelajar menyertai Pertandingan Philip C. Jessup pada 28 hingga 30 Januari 2011 bertempat di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Objektif utamanya adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar FUHA mengenai pertikaian undang-undang antarabangsa, melatih pelajar-pelajar FUHA tentang teknik pengendalian kes yang betul berdasarkan situasi sebenar dan membina kemahiran kepeguaman kepada pelajar-pelajar FUHA. Pasukan FUHA mendapat tempat ke-8 dalam pertandingan ini. Antara Institusi Pengajian Tinggi yang turut mengambil bahagian adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), ATC Kemayan, Taylor's College, Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



## Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian Siswazah Kali Ke-27

UniSZA dipilih sebagai tuan rumah untuk Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian Siswazah (MDPS) ke-27 yang diadakan pada 25 April 2011. Mesyuarat yang diadakan di Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa, Pulau Duyong ini dipengerusikan oleh Profesor Dr. Rose Alinda Alias, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sebanyak 45 wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah hadir termasuk wakil daripada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP). Mesyuarat tersebut juga dihadiri oleh wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



Sementara itu, untuk meraikan delegasi mesyuarat, satu majlis makan malam telah diadakan di Marina 1<sup>st</sup> Floor, Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad turut meluangkan masa untuk bersama delegasi di samping memberikan penerangan tentang penubuhan UniSZA.



## Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UniSZA telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK), Bil 3/2011 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 21 Mac 2011. Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Persidangan UniSZA Kampus Gong Badak dan telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Y Bhg Datuk Ab. Rahim Md Noor. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Y Bhg Datuk Rohani Abdullah, wakil-wakil dari



Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, wakil-wakil EPU, ICU, JKR dan Pengarah-Pengarah Pembangunan Institut Pengajian Tinggi Awam seluruh negara. Intipati perbincangan ini lebih kepada menilai dan memantau projek-projek RMK9 di seluruh IPTA. Pada sebelah petang ahli-ahli mesyuarat mengadakan lawatan ke projek naiktaraf bangunan Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak. Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan ahli-ahli pembangunan bersurai pada pukul 5.00 petang.



## Perkhemahan Bahasa Inggeris Diploma TESL Kali ke-12

Perkhemahan Bahasa bagi tahun 2011 bermula dari 8 hingga 18 Mei 2011 di UniSZA, Kampus Gong Badak. Perkhemahan ini telah dirasmikan oleh Dekan pada 8 Mei 2011 bertempat di Bilik Umar 01, Blok Umar, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK). Perkhemahan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu aktiviti *indoor* yang diadakan pada 8-16 Mei di Kampus Gong Badak dan aktiviti *outdoor* yang diadakan pada 18-19 Mei 2011 di Bukit Keluang Beach Resort. Pelbagai program telah diatur dan salah satunya ialah lawatan ke Pangkalan Udara Gong Kedak. Perkhemahan Perkhemahan ini diwajibkan kepada semua pelajar TESL semester II dan IV. Ini bertujuan untuk memantapkan kebolehan pelajar berbahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka di samping melatih mereka dalam kemahiran insaniah.



## English Enhancement Programme (EEP) 2011

The second English Enhancement Programme (EEP) for UniSZA was launched by the Deputy Vice Chancellor on 12<sup>th</sup> January 2011 at Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Gong Badak Campus. The closing ceremony was held at Riyaz Heritage Resort & Spa on 6 April 2011. This programme was organized to increase student confidence in using English and at the same time to improve their English. Facilitators were students from Bachelor in English semester IV and VI from FBK while participants were from FKI, FPPP, FIT, FRIT, FTM and FUHA. They were guided by English Academic Staff from FBK who acted as supervisors of this programme.

## Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah dan Menengah (Pendidikan Islam) di UniSZA

Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meminta supaya UniSZA menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian bagi memenuhi keperluan negara untuk mencapai 60 peratus guru sekolah rendah memiliki ijazah pertama menjelang 2015. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

diberi tanggungjawab untuk mengendalikan program ini. Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) ini dilaksanakan secara intensif setiap hujung minggu iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu. Para pelajar boleh berinteraksi dengan pensyarah melalui KELIP yang dikendalikan di UniSZA. Interaksi melalui KELIP adalah wajib bagi setiap pelajar. Jangka masa kursus bagi program ini ialah empat tahun atau lapan semester.



## 60 Orang Kanak-Kanak Berkhatan Sempena Program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1Malaysia

Kijal - Seramai 60 orang kanak-kanak dikhatankan sempena program Himpunan Mahasiswa Komuniti 1Malaysia di Dun Kijal dan Dun Kemasik, Kemaman Terengganu pada 10 hingga 13 Disember 2010.



Sesuai dengan tema program iaitu 'Cakna Masyarakat', acara berkhatan secara beramai-ramai ini memberi peluang kepada anak-anak penduduk dikhatankan secara percuma oleh pakar-pakar perubatan dari UniSZA, Hospital USM, Kubang Kerian dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta dibantu oleh para mahasiswa bidang perubatan dan kejururawatan.

Acara bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang bertempat di Klinik Kesihatan Kijal. Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniSZA turut meluangkan masa melawat para peserta yang dikhatankan di klinik tersebut.

## Hari Kerjaya dan Pameran Akademik FPSK 2011

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UniSZA telah menganjurkan 'Hari Kerjaya dan Pameran Akademik 2011' untuk pelajar-pelajar tingkatan empat, lima dan lepasan SPM seluruh Terengganu di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak pada 3 April 2011. Program tersebut dirasmikan oleh Dekan FPSK, Profesor Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif. Kira-kira 1400 orang pelajar dari 30 buah sekolah di seluruh Terengganu menyertai program ini.

Para peserta berpeluang mendapatkan informasi untuk melanjutkan pengajian dalam bidang sains kesihatan dan perubatan khususnya

bagi program yang ditawarkan di FPSK melalui taklimat yang disampaikan oleh para penyelaras program. Selain itu, dua orang penceramah turut dijemput untuk menyampaikan ceramah motivasi kepada para peserta. Penceramah tersebut adalah Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin, iaitu Pakar Farmasi merangkap Ketua Pusat Klinikal dan Kualiti Hidup UniSZA dan Dr. Maziah Ahmad Mahidin yang merupakan Pakar Ginekologi dan Obstetrik, Hospital Pakar Damansara. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

## Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen



Majlis penyerahan bendera kepada pengurus-pengurus pasukan yang akan mewakili UniSZA pada Kejohanan Sukan Badan Berkanun Kali ke-7 2011 (SUKANUN-VII) telah diadakan di Gimnasium UniSZA pada 4 Mei 2011. Majlis anjuran Pusat Sukan UniSZA itu telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar (Pentadbiran) UniSZA, Ismail Ahmad.

Kontinjen UniSZA akan menghantar seramai 97 peserta terdiri daripada atlet, pegawai pasukan dan sekretariat pasukan. Pada kejohanan yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bermula 8 hingga 14 Mei ini, UniSZA akan menyertai tujuh daripada 17 acara yang dipertandingkan. Kejohanan itu akan disertai oleh 72 agensi badan berkanun seluruh Malaysia.

UniSZA akan bertanding dalam acara golf, bola sepak sembilan sebelah (senior dan veteran), futsal lelaki senior, badminton campuran, ping pong campuran dan tenpin boling. Sementara itu, dalam ucapannya Ismail Ahmad berkata, beliau mengharapkan semua atlet akan berjuang dengan bersungguh-sungguh dalam usaha menaikkan imej dan nama universiti.



## UniSZA Juara Tenpin Boling Masukit 2010

UniSZA berjaya mengekalkan takhta juara keseluruhan Kejohanan Tenpin Boling Masukit di Pusat Boling, KT Bowl Astaka, baru-baru ini. UniSZA dinobatkan juara keseluruhan setelah berjaya mengungguli Kategori Berpasukan dan Kategori Individu Lelaki. Bagi Kategori Berpasukan, UniSZA berjaya menundukkan pencabar terdekatnya iaitu Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan jatuhan pin sebanyak 2,631 berbanding IKBN yang hanya berjaya melakukan jatuhan pin sebanyak 2,488. Sementara itu, tempat ketiga berpasukan dimiliki pasukan Politeknik Kuala Terengganu dengan jatuhan pin 2,469.

Bagi Kategori Lelaki pula, peserta UniSZA, Tengku Adnan Tengku Hussin dinobatkan juara apabila berjaya melakukan jatuhan pin paling tinggi dengan jumlah 732 pin menundukkan pencabar


terdekat, Aripin Yong dari Politeknik Kuala Terengganu dengan jatuhan pin 725. Tempat ketiga dimenangi oleh Mohd Sapri Mokhtar dari Politeknik Kuala Terengganu dengan jatuhan pin sebanyak 722.

Manakala bagi Kategori Wanita peserta IKBN, Tengku Farizan Tuan Nordin mengungguli dengan jatuhan pin sebanyak 608 menewaskan peserta dari UniSZA, Nur Shuhada Mat Sani dengan jatuhan pin 527. Tempat ketiga pula dimenangi oleh peserta dari Politeknik Dungun, Pazlina Mat Ali dengan jatuhan pin 502.


## Senarai Kenaikan Pangkat Kakitangan UniSZA 2011

Kumpulan Jawatan	Nama	Gred Asal	Gred Baru	Penempatan
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik)	1. Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh	DS52	DS54	FBK
	2. Dr. Ahmad Azrin Adnan	DS45	DS52	FPPP
	3. Dr. Nalini Arumugam	DS45	DS52	FPB
	4. Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi	DS45	DS52	FBK
	5. Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali	DS45	DS52	FKI
	6. Dr. Abdul Fatah Wan Sidek	DS45	DS52	FKI
	7. Sharifah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad	DS45	DS52	FUHA
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	1. Suhaimi Mohamad	S41	S44	Pusat Islam
Kumpulan Sokongan	1. Norliza Mohamad	F29	F32	FIT
	2. Ahmad Shahimi Ibrahim	W27	W32	JB
	3. Che Khamsah Mohd	N22	N26	JP
	4. Rohimai Muhamad	N17	N22	HEPA
	5. Faisal Yahaya	FT17	FT22	PTM
	6. Mohd Zuraidi Mohamad	FT17	FT22	PTM
	7. Wahab Yusoff	N1	N4	HEPA
	8. Ridzuan Mansor	N1	N4	CAD
Khas Untuk Penyandang (KUP)	1. Hamid Mat Zin	KP11	KP14	JKS
	2. Mazenah Mat Ali	R1	R4	LIB
	3. Jaafar Ismail	R1	R4	JPP
	4. Rusdi Abdullah	N17	N22	PP
	5. Alias Sulong	R11	R22	JPP
	6. Jusoh Mohd	R3	R6	JP
	7. Zakaria Kasim	R9	R14	JPP
	8. Ab. Halim Salleh	R3	R6	JP
	9. Ahmad Sanusi Mohd Sidek	N17	N22	HEPA


### Statistik Kenaikan Kakitangan UniSZA sehingga Mei 2011




### Statistik Kakitangan Cuti Belajar (Doktor Falsafah) 2006-2011



### Statistik Kakitangan Cuti Belajar (Sarjana) 2007-2011






## Buku Kerja Keusahawanan: Jom Buat Bisnes!

Penulis: Fakhru Anwar Zainol & Ahmad Jazlan Mat Jusoh

ISBN: 978-983-9842-39-5

Tahun: 2010

Buku Kerja Keusahawanan: Jom Buat Bisnes! adalah modul latihan keusahawanan berbentuk *action learning* yang bertujuan memberi pendedahan kepada para mahasiswa daripada pelbagai latar belakang pengajian untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai minda keusahawanan serta menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka kelak. Modul latihan yang dibentuk merupakan modul sokongan kepada modul Asas Pembudayaan Keusahawanan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Ia memberi penekanan kepada pembinaan kemahiran keusahawanan di kalangan mahasiswa dengan penglibatan secara menyeluruh dalam proses pembelajaran keusahawanan. Selain itu, modul latihan ini juga dihasilkan untuk membina keyakinan diri para mahasiswa serta mengembangkan daya kreativiti dan inovasi mereka.



## Birds of Universiti Sultan Zainal Abidin

Author: Anuar McAfee

ISBN: 978-983-9842-41-8

Year: 2011

This book depicts many of the colourful and interesting birds found at Universiti Sultan Zainal Abidin. The university and its natural surroundings are home to 135 species of both resident and migratory birds, a large number for such a small area. Birds are not only fascinating animals to watch, they have also long been considered indicators of an environment's health. The sheer number of species recorded on campus is evidence that UniSZA has an impressive natural heritage worth protecting.



## Journal of Agrobiotechnology, Volume 2

ISSN: 1985-5133

- Potential of *Exserohilum Monoceras* as a Bioherbicide for Controlling *Echinochloa Crus-Galli* (Rumput Sambau)**  
Hailmi M. S., Kadir J., Tajul Afif Abdullah, Zarizal Suhaili, Noor Muzamil Mohamad, Mohd Nazri B., Norhayati N., Noor Afiza B. and Salmah M.
- Effects of Different Stages of Cryopreservation of Red Tilapia (*Oreochromis Niloticus*) Sperm and the Variability Between Three Individual Fish in Response to Cryopreservation**  
Asmad K., Wan Khadijah W. E. and Abdullah R. B.
- Molecular Phylogenetics of *Cypripedium* L. (Cypripedioideae: Orchidaceae) Based on Plastid and Nuclear DNA Sequences**  
Fatimah N. H. N., Fay M. F. and Maxted N.
- Leaf Surface Characteristics of Selected Malaysian Weed Species of Oil Palm**  
Norhayati Ngah, Dzolkhiffi Omar, Abdul Shukur Juraimi and Hailmi M. S.
- Surface Morphological Changes of Pathogenic *Acanthamoeba* SPP. Treated with Mahanimbine**  
Fatimah H., Nakisah M. A., A. M. Ali and S. Aspollah.
- Plant-Pathogen Interaction between *Exserohilum Monoceras* with *Oryza Sativa* and *Echinochloa Crus-Galli***  
Hailmi M. S., Kadir J., Juraimi A. S. and Norhayati M. Z.
- Three Dimensional Structure Prediction of Recombinant Endochitinase from *Trichoderma Virens* UKM-1**  
Nadiawati Alias, Nor Muhammad Mahadi, Abdul Munir Abdul Murad, Farah Diba Abu Bakar and Rosli Md Illias.
- PCR-RFLP of *Ficus Deltoidea* Jack (Moraceae)**  
Mahmod N. H., Nor-Zuhailah M., Fahmi A. B., Fatimah N. H. N., Zaimah N. A. R., Norhaslinda H., Nashriyah M. and A. M. Ali
- A Preliminary Study on the Antimicrobial Properties of Several Plants Collected from Terengganu, Malaysia**  
Napisah H., Azmahani A., Zubaidi A. L., Intan A. and Nazifah A.